

قَتِيْن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"KITA di Negara Brunei Darussalam, belum jauh terlajak. Tetapi jauh tidak jauh pun, itu belum tentu tanda selamat. Yang belum jauh akan boleh jauh, sama juga yang belum terjadi akan boleh saja terjadi. Sebab itu sebelum kita jauh terbas kepada perkara-perkara yang tidak Islamik, maka bertahan itu adalah perlu dan bahkan wajib."

- Titah Sempena Mesyuarat Majlis Ugama Islam pada 25 September 1990.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي نِيْتَا
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada golongan mereka (kaum yang diserupainya itu)."
- (Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar Radiallahuanhuma).

TAHUN 60 / BILANGAN 16

7 FEBRUARI 2015 / 1436 ربيع الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Sikap tabah pemangkin kecemerlangan

Oleh : Khartini Hamir, Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohiddin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

SUNGAI AKAR, Khamis, 5 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bertitah mengingatkan setiap orang adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas pimpinannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, pemimpin itu pula perlulah tabah dan tekun, kerana sikap itu merupakan pemangkin kepada kecemerlangan.

Menurut Kebawah Duli Yang Maha Mulia keterampilan Pegawai-Pegawai Kadet dan generasi muda, mengingatkan kita kepada prospek masa depan negara kerana masa depan negara itu lebih bergantung kepada tenaga dan kewibawaan generasi muda.

Baginda bertitah menekankan perkara itu pada Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-12 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Baginda bertitah, jika generasi muda memiliki kekuatan fizikal dan rohani, maka insyaaAllah, kekuatan itu akan tumpah pula kepada bangsa dan negara. Sebaliknya, jika generasi muda lemah, maka akan tergugatlah ketahanan dan keselamatan kita.

"Kerana itu tidak disangkal bahawa matlamat kita ialah membentuk generasi muda yang kuat, berilmu dan beriman untuk masa depan negara yang hebat," titah baginda.

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan mengurniakan titah pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Guru agama agen pemangkin realisasikan Negara Zikir

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Guru-guru agama di negara ini perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan yang mantap serta memiliki sifat kerohanian seperti konsep Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatanah untuk disampaikan kepada masyarakat.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff berkata, mereka merupakan agen pemangkin bangsa khususnya dalam sama-sama merealisasikan hasrat negara iaitu menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Para guru agama juga, tegasnya, perlu menerapkan unsur-unsur

kerohanian yang positif dalam kehidupan seharian mereka, bukan sahaja di sekolah malah penghayatan itu hendaklah dijadikan pakaian dan perhiasan mereka pada setiap masa.

"Inilah tarbiyah yang paling berkesan untuk disampaikan kepada para pendidik dan masyarakat umum kerana apabila satu pengajaran disertakan dengan contoh yang dipraktikkan dan dilihat dengan mata, pengajaran akan lebih difahami dan diikuti apatah lagi contoh itu merupakan model bergerak yang dekat di hati orang yang diajarkan," ujarnya pada Majlis Penangguhan Seminar Pendidikan Usuluddin Keempat Peringkat Kebangsaan Sempena Majlis Konvokesyen Keempat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Ke muka 24



Muka 3

MENERIMA mengadap dua perwakilan asing

Pendidikan tinggi, keperibadian mulia keperluan utama negara



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned semasa berucap pada Majlis Penutup Kursus Sivik Seberang Laut Tahun 2015 Kali Ke-1 pada hari Khamis, 24 Rabiulawal 1436 Hijrah / 15 Januari 2015 Masihi, bertempat di Rumah Pegawai Daerah Tutong.

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen Wasaallatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Ambiaie Walmursaleen, Saidina Muhammadin Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajama'een.

Dalam menyediakan modal insan yang berkualiti ini, pendekatan kerajaan adalah holistik bermula dengan pendidikan teras hinggalah ke peringkat tertinggi akademik, ikhtisas, teknikal dan vokasional dan pendidikan sepanjang hayat. Dalam memberikan pendidikan ini, penekanan diberikan tidak semata-mata kepada kemajuan intelek, kemahiran dan kepakaran malahan penerapan nilai-nilai murni dan pembangunan rohani menjadi sasaran utama pendidikan.

Sistem Pendidikan Negara ialah untuk menghasilkan modal insan yang syumul atau menyeluruh, iaitu terlatih dalam ilmu dan kemahiran, terdidik sehingga mempunyai kekuatan intelek untuk berfikir lebih jauh dan rasional, mendapat penerapan nilai-nilai kerohanian dan sosiobudaya, mempunyai penghayatan terhadap keperluan bangsa, ugama dan negara dan sentiasa mempunyai komitmen penuh untuk kepentingan masyarakat dan negara.

Untuk lebih jelas mengenai sasaran sistem pendidikan yang peramba / saya baru sebutkan tadi ini, mari kita lihat sasaran yang berbeza dari sasaran pendidikan yang dimaksudkan, iaitu menghasilkan modal insan yang celik huruf, pandai membaca dan menulis, mempelajari ilmu dan kemahiran, mengetahui dan boleh mengajarkan balik ilmu dan kemahiran tersebut sebagai orang yang terlatih, tetapi tidak terdidik dari segi kapasiti intelek untuk mengembangkan fikiran melalui ilmu dan kemahiran yang dipelajari, tidak terdidik sebagai insan atau manusia yang bermoral dan mempunyai nilai-nilai kebaikan untuk kebaikan masyarakat dan negara. Terdapat perbezaan

perbezaan yang *very subtle*. Dalam kata lain pendidikan seperti ini adalah terhad kepada untuk mendapatkan ilmu yang tidak memberikan pendidikan kepada pemikiran dan amalan nilai kemanusiaan untuk kebaikan masyarakat dan negara.

Bila kita mengimbas kembali semasa masih di bangku sekolah, anak-anak sekolah yang masih kanak-kanak berhadapan dengan guru-guru yang bukan saja mengajar mata pelajaran, tetapi menerap nilai-nilai kehidupan yang diperlukan semasa dewasa. Kanak-kanak pada hari ini akan menjadi generasi penerus pada hari esok. Kanak-kanak menjadi tanggungjawab orang dewasa untuk menjaga. Apabila kita dewasa, kita pula akan bertanggungjawab pula terhadap kanak-kanak. Ini adalah dalam konteks sebagai ibu bapa, guru, pemimpin dan ahli masyarakat.

Awang-Awang dan Dayang-Dayang pemegang biasiswa kerajaan telah melalui pengalaman ini sebagai kanak-kanak di bangku sekolah yang di bawah tanggungan guru-guru di mana mereka sebagai orang dewasa bertanggungjawab memberi pendidikan dan lebih dari itu menjaga keselamatan dan kesejahteraan abiskita serta menunjukkan dan sekali gus menerapkan nilai-nilai baik yang diperlukan dalam hidup semasa kanak-kanak, remaja dan dewasa. Itu tugas guru sebagai orang dewasa mendidik abiskita. Sekarang abiskita sudah remaja dan lebih dari itu terpilih sebagai pemegang biasiswa kerajaan dan telah melalui pengalaman menjalani pengajian di peringkat tertinggi di luar negara dan hampir memasuki zaman dewasa untuk silih berganti mempertanggungjawabkan anak-anak bangsa kita, masyarakat dan negara.

Apakah persiapan bagi tanggungjawab ini? Inilah soalan yang perlu kita sama-sama kenali harga dan perlu dijawab.

Di sinilah saya ingin mengulangi apa yang sudah lumrah abis kita dengar untuk menguatkan lagi kesedaran dan komitmen kita.

Pertama-tama, kita perlu sama-sama menyedari siapa diri abiskita sebenar dalam sebenar dalam konteks bernegara. Pemegang-pemegang biasiswa kerajaan adalah golongan terpilih yang diberikan kemudahan dan amanah untuk menimba ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang diperlukan negara untuk memberikan balik perkhidmatan kepada negara.

Dalam hubungan ini, selain dari untuk mencari ilmu sehingga berjaya mendapat kelulusan, abiskita juga perlu melalui proses pendidikan untuk membina keperibadian mulia.

Pendidikan tinggi dan keperibadian mulia ini adalah merupakan keperluan utama individu untuk mengambil kedudukan yang bertanggungjawab di sisi masyarakat. Waima dengan pendidikan setinggi manapun, seseorang yang berkelakuan buruk dan tidak berintegriti tidak akan mendapat kepercayaan di sisi masyarakat.

Selain dari keperluan ini, terdapat beberapa nilai yang mencerminkan keutuhan pendirian seseorang terhadap negaranya. Secara tabii, seorang rakyat pasti akan mencintai tanah tumpah darahnya. Tetapi, adalah boleh terjadi dengan pengaruh-pengaruh yang bersifat memesongkan, maka rasa kecintaan kita kepada negara boleh luntur dan berubah. Kes-kes ini pernah terjadi dan boleh saja akan berulang melibatkan anak bangsa kita yang sengahaja membelakangi negara dan mendahulukan

kepentingan dirinya.

Inilah terdapat perbezaan antara anak bangsa yang tulus yang mati hidupnya adalah untuk negara tanah tumpah darahnya dan anak bangsa yang mudah lupa daratan menghilang begitu saja seolah tidak ada kaitan dan kepentingan dengan negaranya.

Sebab itulah kecintaan kepada negara kita adalah nilai murni utama. Kecintaan ini bukan yang biasa malahan ia dalam bentuk patriotisme, iaitu rasa kecintaan yang menjadikan kita sanggup berkorban apa saja untuk negara dan bukan sebaliknya untuk lari darinya.

Ada lagi beberapa nilai murni yang perlu dihayati bagi keunggulan peribadi anak-anak bangsa yang akan menjadi wira peneraju negara.

Nilai-nilai ini perlu dikenali dari awal dan usaha dibuat untuk penghayatan dan amalan.

Dalam mengabdikan diri kita kepada negara, nilai yang sangat dituntut ialah untuk merendah diri dalam erti kata kita bersedia berbakti untuk mendahulukan kepentingan negara. Orang yang bongkak, tinggi hidung, sentiasa memandang orang lain rendah dan hina dan mendahulukan kepentingan diri dari segalanya, adalah tidak layak untuk melayani kepentingan masyarakat dan negara.

Oleh itu amat penting kita mengasah diri kita supaya tidak *self-centred*, sentiasa melihat diri kita yang terbaik dan tidak memerlukan orang lain yang dipandang rendah. Pendekatan ini akan menyisihkan diri kita dari masyarakat dan menjadikan kita tidak diterima oleh masyarakat.

Kita selalu diingatkan mengenai jati diri kebruneian. Apa yang dimaksudkan ialah keperibadian kita sebagai orang Brunei yang mempunyai nilai-nilai murni berteraskan konsep Melayu Islam Beraja.

Konsep yang sudah turun-temurun dalam kehidupan orang Brunei menjadikan bangsa kita bangsa Brunei yang halus budi pekertinya, hormat kepada orang, berhemah dalam membuat tindakan, berpegang teguh kepada ajaran ugama, cintakan negara dan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja kita.

Ini antara lain nilai-nilai jati diri kita orang Brunei yang turun-temurun telah dapat membawa kita kepada kehidupan yang progresif, harmoni, aman, tenteram dan sejahtera. Kita menolak kekacauan, sifat-sifat yang boleh melemahkan kita digunakan oleh orang lain yang tidak bertanggungjawab dan tindak-tanduk yang tidak mengutamakan malahan boleh memporakperandakan kita.

Inilah pegangan kita, berusaha dengan merendah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mendapatkan keredhaanNya, mengikut peraturan dan undang-undang, hormat kepada orang tua-tua dan pemimpin kita, bersatu padu dan bersedia untuk berkorban bagi kepentingan bersama.

Tuntutlah ilmu setinggi mana pun, jadilah generasi progresif dan berkualiti, tetapi pertahankan identiti dan jati diri kebruneian kita untuk kelangsungan ketenteraman dan kesejahteraan yang kita nikmati turun-temurun selama ini.

Akhirnya, saya mengucapkan syabas dan penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Perkampungan Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut 2015 di atas usaha mengadakan perkampungan yang penting ini.

Wabillahaufiq Walhidayah Wassalamulaikum Waramatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

7 FEBRUARI 2015 BERSAMAAN 1436 ربيع الآخر 17

AMALAN SEDEKAH KUKUH UKHUWAH

Amalan bersedekah yang disertakan dengan niat ikhlas merupakan amalan mulia yang akan menjanjikan ganjaran pahala buat kita. Oleh itu, setiap perbuatan baik akan dibalas dengan perkara yang baik juga. Allah Subhanahu Wata'ala akan melapangkan dada, membuatkan kita gembira, melegakan perasaan dan mensejahterakan seluruh hidup kita. Bersedekahlah kita walau sedikit dengan seikhlasnya. Hal ini kerana, dalam setiap rezeki dan harta yang kita miliki itu terdapat juga hak orang lain. Jadi, adalah lebih baik jika ia dikongsi dan dinikmati bersama. Beriman dengannya dan bersedekah seikhlasnya. Sedekah seikhlasnya mampu meringankan beban seseorang dan menjauhkan diri kita daripada panas api neraka.

Allah Subhanahu Wata'ala melarang bersedekah dengan benda yang tidak baik kerana bersedekah adalah ibadat dan tanda bersyukur nikmat Allah. Di samping itu, sesuatu yang disedekahkan itu hendaklah halal. Malah sunat jika bersedekah dengan benda atau barang yang disukai dan disayangi tidak kira ia banyak atau sedikit. Allah berfirman yang bermaksud: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya." (Surah Ali-Imran ayat 92).

Selain itu, bersedekah juga merupakan satu cara untuk membantu golongan kurang berkemampuan dan yang memerlukan bantuan seperti golongan fakir, miskin dan termasuklah juga anak-anak yatim. Agama Islam sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk mengambil berat terhadap anak yatim apatah lagi bagi mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengkhabarkan bahawa orang yang menjaga anak yatim akan mendapat kedudukan yang mulia di syurga, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu katanya: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (perwayat hadith) mengisyratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu."

Sesungguhnya ganjaran yang diberikan terhadap perlakuan baik kepada anak yatim amat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Adapun salah satu daripada perlakuan baik terhadap mereka itu ialah dengan menghulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya.

Sememangnya dalam masyarakat kita masih kaya dengan sifat kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim. Banyak pihak telah berusaha untuk mengeluarkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada dari pihak kerajaan, swasta ataupun persendirian serta Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, tabung kutipan anak-anak yatim di masjid-masjid, persatuan-persatuan, projek-projek amal dan sebagainya.

Oleh itu, sama-samalah kita mengeluarkan derma untuk anak-anak yatim melalui Projek SMS Brunei Prihatin bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang telah bermula pada 1 Disember 2014 lalu sehingga 10 Februari 2015. Dengan derma abiskita tersebut akan dapat meringankan beban mereka, bahkan juga dapat menimbulkan kebaikan dan kegembiraan di hati mereka.

Di samping itu, negara kita juga sedang mengutip derma bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Banjir Malaysia bermula pada 10 Januari 2015 yang lalu sehingga 18 Mac 2015. Semoga dengan sumbangan derma abiskita menerusi tabung-tabung berkenaan akan dapat meringankan beban dan penderitaan serta menjamin kesejahteraan mereka. - **Ketua Penyuntingan (Md)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyy Haji Arifin
Mohammad Arif Matali

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shahrir Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Rini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari	SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN	31°C / 25°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C
MUARA	31°C / 25°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
PEKAN BANGAR	31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
PEKAN TUTONG	31°C / 24°C	32°C / 25°C	31°C / 25°C
PEKAN SERIA	31°C / 25°C	31°C / 25°C	31°C / 25°C
KUALA BELAIT	31°C / 25°C	31°C / 25°C	31°C / 25°C

Walaupun Bismillah
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
Telefon: Talian Cuaca 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
2380214

Menerima mengadap dua perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian (kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marina Laker (kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap secara berasingan dua perwakilan asing yang baru ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian, diikuti oleh Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Marina Laker.

Puan-Puan Yang Terutama telah menyebarkan Surat Tauliah Pelantikan masing-masing ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 26 Januari 2015.

DPPW raikan tiga perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan meraikan tiga perwakilan asing yang akan menamatkan perkhidmatan terdiri daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Nestor Z.Ochoa; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Apichart Phetcharatana dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw Yin Yin Myint.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, berkenan mengadakan Jamuan Tengah Hari di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, bagi tiga perwakilan asing yang akan menamatkan perkhidmatan.

Perwakilan asing yang diraikan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Nestor Z.Ochoa; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Apichart Phetcharatana dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar, Puan Yang Terutama Daw

Yin Yin Myint.

Berangkat sama ke Jamuan Tengah Hari tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

TYT Nestor Z.Ochoa berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Filipina ke negara ini sejak bulan April 2011, sementara TYT Apichart Phetcharatana berkhidmat sebagai Duta Besar Thailand ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Oktober 2011, manakala PYT Daw Yin Yin Myint berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan November 2012.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berbual mesra bersama seorang perwakilan asing yang akan menamatkan perkhidmatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Bagi memudahkan orang awam berulang-alik ke Daerah Temburong, Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan telah menandatangani kontrak bersama Daelim SWEE JV bagi Cadangan Projek Jambatan Temburong Pakej CC2 - Marina Viaducts.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak berkenaan yang berlangsung di Dewan Atria Simpud di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji

Pembinaan Jambatan Temburong libatkan jurutera muda tempatan

Gafar dalam ucapan alu-aluannya berkata, majlis yang diadakan itu ialah bagi menunjukkan usaha setiap organisasi yang terlibat dalam membangunkan reka bentuk untuk mendapatkan kepentingan dari Kelas IV kontraktor tempatan dan antarabangsa.

Beliau menjelaskan untuk mempercepatkan pembinaan jambatan tersebut, projek itu dibahagikan kepada kontrak-kontrak kerja berasingan termasuk CC3 jambatan navigasi, CC4 jejambat Temburong dan jalan raya, CC1 terowong Mentiri dan jejambat tanah, CC5A sistem



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menandatangani Kontrak Bagi Cadangan-Cadangan Projek Jambatan Temburong Pakej CC2 - Marina Viaducts di antara Kementerian Pembangunan dengan Pembedor Daelim SWEE JV.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nur Faizzah Nawang
Foto : Azmah Haji Ahad



PETA cadangan Projek Jambatan Temburong.

Berpotensi majukan pembangunan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid, Nur Faizzah Nawang
Foto : Azmah Haji Ahad



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa ditemu bual menjelaskan mengenai Projek Pembinaan Jambatan Daerah Temburong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Jambatan Penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong sangat berpotensi untuk memajukan Daerah Temburong melalui kegiatan-kegiatan ekonomi, projek-projek pembangunan, penempatan institusi pendidikan, pusat pelancongan serta pelaburan yang bakal dinikmati oleh seluruh negara.

Sejurus selesai majlis menandatangani cadangan projek Jambatan Temburong bagi Pakej CC2, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman ketika ditemu bual menjelaskan penglibatan pekerja yang diambil untuk projek ini

mempunyai pengalaman.

Bagaimanapun katanya, di negara ini masih belum banyak yang mempunyai pengalaman dalam pembinaan jambatan.

Dalam usaha memberi pendedahan kepada jurutera tempatan terhadap pembinaan jambatan, kementerianya turut melibatkan jurutera tempatan yang mempunyai kelulusan dalam bidang tersebut dan melibatkan mereka dalam projek pembinaan jambatan bagi meningkatkan pengalaman masing-masing, di samping melibatkan kakitangan di Jabatan Kerja Raya (JKR) yang

mempunyai pengalaman dalam bidang kejuruteraan sebagai kumpulan utama dalam projek bahagian jambatan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, jumlah keseluruhan bagi pembinaan Jambatan Temburong ini bernilai BND1.6 bilion di mana ia merupakan salah satu projek terbesar dan termahal bagi Negara Brunei Darussalam sendiri.

Dengan terlaksananya projek ini, Yang Berhormat berharap ia akan mendatangkan kebaikan kepada semua pihak.

Ketika mengulas mengenai kos perbelanjaan bagi Pakej CC2 Marine Viaduct ini, Yang Berhormat menjelaskan, ia dianggarkan berjumlah lebih BND600 juta di mana projek pelaksanaan jambatan ini dilaksanakan mengikut fasa.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyaksikan pertukaran dokumen yang ditandatangani di antara Setiausaha Tetap Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar bersama Pembedor Daelim SWEE JV.

diperlukan pada hari ini dan masa hadapan dalam projek ini.

Projek pembinaan jambatan ini adalah bagi memudahkan *dual two-lane highway* antara Brunei Muara dan Temburong sepanjang lebih 30 kilometer bermula dari Jalan Utama Menteri di Daerah Brunei Muara ke Jalan Labu di Daerah Temburong.

Pembinaan projek ini akan dilaksanakan melalui beberapa buah pakej kontrak yang mana pakej pertama ini akan dimulakan dalam sedikit masa lagi iaitu merupakan pembinaan jambatan atau *viaducts* melintasi Teluk Brunei sepanjang 13.4 kilometer.

Projek ini dijangka mengambil masa selama 45 bulan untuk disiapkan yang mana skop kerja utamanya adalah untuk membina jejambat di Teluk Brunei bermula dari laluan navigasi

Brunei hingga laluan navigasi di sebelah timur dan dari laluan sebelah timur hingga ke Tanjung Kerasek di Daerah Temburong. Ia termasuk penyediaan laluan pusingan dan peruntukan bagi sambungan ke Pulau Baru-Baru dan Pulau Berambang.

Kerja pembinaan bagi Pakej CC2 bermula pada 2 Februari lalu. Sehubungan itu, Kementerian Pembangunan turut memaklumkan bahawa Jeti Sejangam, Kampung Sungai Besar adalah termasuk di dalam tapak projek dan ia akan ditutup sementara sepanjang tempoh pembinaan.

Kemudahan orang awam ini akan dibina semula setelah kerja-kerja pembinaan selesai dijalankan. Sepanjang pembinaannya nanti, makluman mengenai perkembangan kerja-kerja pembinaannya akan sentiasa diberikan kepada orang ramai dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi memastikan segala aspek keselamatan akan diikuti.



YANG Berhormat Menteri Perhubungan mendengarkan penerangan mengenai projek pembinaan Jambatan Daerah Temburong.

Borang Kelas Akademik Sesi 2015 mula diedarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Bahagian Pendidikan Komuniti, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Kementerian Pendidikan mula mengedarkan borang bagi Kelas Akademik Sesi 2015 bagi pengambilan kedua Daerah Brunei dan Muara (DBM), iaitu bagi yang pernah menduduki Brunei GCE Peringkat 'O'dan 'A'.

Borang tersebut telah diedarkan bermula 2 Februari lalu dan berakhir sehingga 24 Februari depan semasa waktu pejabat, sementara pendaftarannya akan mula dibuka pada 25, 26 dan 28 Februari 2015 dari pukul 8.15 pagi hingga 11.30 pagi sahaja bertempat di Bahagian Pendidikan Komuniti, Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong, BE1310, Negara Brunei Darussalam.

Pusat-pusat pembelajaran bagi DBM ialah di Sekolah Rendah Rimba 1 dan Sekolah Rendah Lambak Kanan, Jalan 49.

Pembelajaran akan bermula bulan Mac / April hingga November 2015, manakala peperiksaan akan diadakan bulan Oktober / November 2015 bukannya Mei / Jun.

Permohonan peperiksaan hendaklah diuruskan sendiri di Jabatan Peperiksaan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi melalui talian 2422493.

Perkembangan penjagaan kesihatan profesional diutamakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Syirain Afifi Md. Fadzil
Foto : Ihsan Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa berucap dan seterusnya melancarkan Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman (Basic Speciality Training - BST).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Kementerian Kesihatan terus menempatkan perkembangan penjagaan kesihatan profesional sebagai keutamaan termasuk latihan bagi doktor-doktor junior di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, Hospital RIPAS pernah diiktiraf oleh Royal College of Physicians United Kingdom bagi menjalani latihan.

Walau bagaimanapun, dengan kemajuan pesat dalam bidang perubatan, ujar Yang Berhormat, pendidikan perubatan moden semasa memerlukan kecekapan kurikulum yang mantap sejajar dengan penyampaian latihan, penilaian dan hasil.

Dalam hal ini, Yang Berhormat mengucapkan tahniah kepada kedua-dua Jawatankuasa (Basic Speciality Training - BST) Perubatan

Dalaman dan Penasihat Siswazah dan Latihan Lembaga (PGATB) dalam pembangunan penting program latihan ini ke arah membangunkan pengetahuan yang sesuai, kemahiran dan sikap-sikap para doktor junior yang sudah setentunya menandakan langkah seterusnya bagi pembangunan latihan dalam Jabatan Perubatan Dalaman.

Seperti yang sedia dimaklumi, perubatan dalaman, jelas Yang Berhormat adalah bidang yang mencabar di mana para pakar perubatan dalam bidang ini adalah doktor yang mendiagnosis kanser, serangan jantung dan strok, penyakit degeneratif seperti arthritis dan demensia, kencing manis, kegagalan fungsi buah pinggang dan banyak lagi.

Menurut Yang Berhormat, skop mereka adalah antara merawat penyakit tiroid, ekzema dan kegagalan fungsi hati dalam menangani pesakit tua dan ia adalah bidang penjagaan kesihatan yang memerlukan tahap pengetahuan tinggi, kemahiran yang luar biasa dan komunikasi serta mempunyai sikap mengambil berat akan pencegahan dan mengurangkan penderitaan pesakit.

“Di samping itu, latihan dalam pelbagai kepakaran perubatan dalaman seperti Endokrinologi, Dermatologi dan Perubatan Respiratori adalah sangat lama dan mencabar. Oleh itu ia sangat penting agar para doktor disediakan keperluan mendatang dan merancang sewajarnya,” ujar Yang Berhormat semasa melancarkan Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman (BST), berlangsung di Bilik Kuliah, Hospital RIPAS, di sini.

Tambah Yang Berhormat, untuk pelatih Perubatan Dalaman BST, hala tuju untuk menjadi pakar pada ketika ini mungkin agak susah dan sangat mencabar, walau bagaimanapun, para mentor telah melalui semua ini dan

melengkapkan perjalanan dan berdiri dengan kejayaan mereka.

Yang Berhormat berkata, perjalanan ini adalah penting bukan sahaja untuk pembangunan diri sendiri dan pencapaiannya tetapi menyumbang khususnya kepada kualiti penjagaan kesihatan yang lebih baik kepada masyarakat dan juga ke arah pencapaian Wawasan 2035 Kementerian Kesihatan, yang mana salah satu fokus strategik adalah mencapai akreditasi antarabangsa sistem penjagaan kesihatan.

“Oleh itu kita memerlukan profesional penjagaan kesihatan yang terlatih, cekap, berkesan dan berdedikasi,” tegasnya.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan komited untuk menyokong pembangunan para pakar perubatan ke arah mencapai matlamat tersebut dan ini termasuk menyokong latihan dalam bidang pelbagai kepakaran yang mencabar.

Yang Berhormat juga mengambil maklum bahawa kurikulum Perubatan Dalaman BST ini menekankan penubuhan rasmi kecekapan generik seperti komunikasi, penyelidikan dan kepimpinan klinikal.

Yang Berhormat juga mengingatkan semua doktor terutamanya para pakar perubatan dalam latihan akan kepentingan budaya, kesopanan dan warisan Brunei serta mengambil berat terutamanya dalam penjagaan warga tua dan orang sakit.

“Semua doktor perlu menjalankan latihan dan amalan dalam mengimbangi kemajuan dalam bidang perubatan dan teknologi dengan budaya Brunei dan norma-norma terutamanya apabila perubatan yang diajar dalam western framework. Pelatih dengan kebijaksanaan dan pengalaman mereka memainkan peranan penting dalam membantu doktor junior dalam rundingan keseimbangan ini,” ujar Yang

Berhormat lagi.

Masyarakat tempatan, tambah Yang Berhormat, amat bangga dengan doktor Brunei dan meletakkan harapan tinggi serta percaya akan keupayaan para doktor untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam penjagaan kesihatan terutama dengan adanya 80 perunding pakar tempatan dan seramai 319 doktor tempatan di Kementerian Kesihatan.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menggesa semua doktor untuk memikul tanggungjawab mereka secara serius dan menyediakan penjagaan tahap tertinggi bagi semua pesakit, sesuai dengan bimbingan profesional perubatan yang baik dan amalan perigian, di samping terus mengekalkan kepentingan terbaik pesakit.

Oleh itu, Yang Berhormat berharap para doktor di semua peringkat akan terus konsisten menegakkan nilai-nilai seperti mengekalkan kredibiliti, integriti dan tahap profesionalisme yang tinggi.

Yang Berhormat juga berasa gembira bahawa program BST ini merupakan inisiatif peningkatan kualiti melalui usaha daripada projek peningkatan kualiti yang menyumbang

kepada peningkatan kualiti penyampaian penjagaan kesihatan di dalam Jabatan.

“Saya menggalakkan semua doktor bukan sahaja untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti peningkatan kualiti seperti audit dan penilaian perkhidmatan, tetapi juga untuk berkongsi amalan terbaik secara meluas melalui pembentangan negara dan juga forum-forum antarabangsa dan persidangan termasuk dalam Jurnal Perubatan Antarabangsa Brunei kita,” ujarnya.

Yang Berhormat juga menyeru jabatan-jabatan klinikal lain untuk membangunkan kurikulum mereka sendiri dan mewujudkan Latihan Asas Kepakaran di setiap bidang khusus sebagaimana yang sesuai.

“Ini bukan sahaja akan meluaskan skop program latihan perubatan dan kesihatan tempatan tetapi juga membolehkan lebih ramai doktor tempatan untuk dilatih dalam bidang-bidang khusus serta memperkayakan pengalaman profesional kesihatan multidisiplin kita melalui program pengajaran dan pembelajaran yang teratur,” tambah Yang Berhormat.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan lencana kepada peserta latihan.

Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (RIPAS), mula menjalankan Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman (Basic Speciality Training - BST) bagi pakar-pakar perubatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pembukaan bagi latihan tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Pada majlis itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyampaikan lencana kepada para peserta latihan.

Jabatan Perubatan Dalaman, Hospital RIPAS merupakan salah satu jabatan klinikal terbesar di Kementerian Kesihatan dari segi tenaga kerja dan penyampaian perkhidmatan yang mana sehingga Disember 2014, Kepakaran Perubatan Dalaman yang sedia ada adalah seperti Endokrinologi, Kardiologi, Perubatan Respiratori, Perubatan Paliatif + Onkologi, Geriatrik, Perubatan Pemulihan, Neurologi, Nefrologi, Gastroenterologi, Dermatologi, Hematologi, Reumatologi, Penyakit Berjangkit dan Unit Perubatan Akut (AMU).

Perubatan Dalaman BST adalah salah satu cara untuk meningkatkan lagi perkhidmatan yang disediakan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof bergambar ramai di pelancaran Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman (Basic Speciality Training - BST).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Syirain Afifi Md. Fadzil
Foto : Ihsan Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan

oleh jabatan berkenaan di dalam pelbagai bidang seperti kualiti atau isu piawaian, keperluan pelatih, penjajaran dengan keperluan rakan kongsi latihan di luar negara dan Perancangan Tenaga Kerja.

BST adalah latihan peringkat

pertama bagi pakar-pakar perubatan yang membawa kepada latihan khusus yang lebih tinggi dalam pelbagai kepakaran perubatan dalaman.

Program BST telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Latihan Asas Kepakaran Perubatan Dalaman

dengan sokongan Penasihat Siswazah dan Latihan Lembaga (PGATB), Kementerian Kesihatan yang menyediakan prinsip pendidikan bagi pendidikan perubatan yang dinyatakan dalam program latihan perubatan di negara-negara lain termasuk Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Dengan adanya program BST ini diharapkan akan dapat menangani isu-isu seperti keperluan untuk latihan yang teratur; keperluan

untuk bimbingan kerjaya / mentor, perkembangan kerjaya dan sebagainya.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas Khas Kanan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Juruukur perlu berpengetahuan, mahir



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir pada Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) dan Institusi Geomatik Brunei (IGB).

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

JERUDONG, Selasa, 3 Februari. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyeru agar setiap juruukur profesional dalam mana-mana bidang seperti Juruukur Bahan atau Juruukur Tanah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran melalui latihan yang

konsisten dan pembangunan profesional yang berterusan.

Tambahnya, tahun 2015 telah pun dipersetujui oleh negara-negara anggota ASEAN untuk melaksanakan komuniti ekonomi ASEAN yang secara langsung akan memberi kesan pergerakan yang pelbagai kepada para Juruukur.

Menurut Yang Berhormat lagi

semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras ASEAN mengenai perkhidmatan, Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura telah menunjukkan kemajuan yang ketara dalam bidang ukur tanah.

Menyedari hakikat bahawa kelayakan merupakan satu komponen yang penting dalam memastikan kecekapan, setiap negara ahli ASEAN, perlu lebih banyak mengadakan perbincangan dan rundingan yang perlu dilaksanakan, ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat meluahkan seruan itu pada Majlis Makan Malam yang dihoskan oleh Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) dan Institusi Geomatik Brunei (IGB) berlangsung di Park View Hotel, Jerudong, di sini.

Tahun ini, RICS telah diberi penghormatan untuk menghoskan Majlis Makan Malam tersebut.

Terdahulu, Pengerusi RICS, Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar dalam kata aluan-aluannya antara lain menyatakan mengenai objektif utama mengadakan majlis berkenaan adalah untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan juruukur, iaitu dalam pelbagai bidang di negara ini selain untuk berkongsi pengetahuan melalui ceramah yang telah dianjurkan dan untuk mewujudkan kerjasama di antara PUJA (Bahagian Ukur), IGB dan RICS-Brunei dalam mempromosikan bidang ukur di negara ini.

Para tetamu yang hadir turut mendengarkan ceramah bertajuk 'Memahami global objektif RICS dan keutamaannya dan usaha RICS di Asia' yang disampaikan oleh Pengarah Urusan RICS ASEAN, Tuan Bill Jones.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, selaku Presiden PUJA.

PENGERUSI RICS, Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar semasa berucap pada Majlis Makan Malam yang dihoskan RICS, PUJA dan IGB.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi berucap pada Majlis Makan Malam RICS, PUJA dan IGB.



Awang Kabul dan keluarga terima rumah bantuan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Februari. - Dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini terutama bagi golongan masyarakat yang memerlukan bantuan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi perhatian penuh akan kebajikan golongan berkenaan.

Sehubungan itu, satu Majlis Penyerahan Sijil Pembinaan Rumah Bantuan Golongan Daif, Fakir dan Miskin kepada seorang penerima bantuan di Daerah Brunei dan Muara, berlangsung di Kampung Belimbing Subok.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan sijil kepada penerima rumah bantuan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Penerima rumah bantuan berkenaan ialah Awang Kabul bin Haji Omar, 53, bersama isterinya, Dayang Ros binti Ibrahim, 51, yang juga tinggal bersama tiga orang anak mereka dan seorang menantu.

Projek pembinaan rumah bantuan



SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menyerahkan rumah bantuan kepada Awang Kabul bin Haji Omar.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

bertiang tiga bilik itu merupakan projek Bantuan Perumahan yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Pembangunan,

Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pembinaan rumah berkenaan adalah dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Ugama Islam Brunei melalui Kumpulan Wang Zakat.

Inisiatif bantuan perumahan ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan masyarakat yang memerlukan bantuan bagi memberikan kehidupan yang lebih selesa dan sempurna kepada penerima-penerima bantuan dan ahli keluarga mereka.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian yang terlibat, penghulu dan ketua kampung, ahli-ahli Jawatankuasa Bantuan Perumahan Golongan Daif, Fakir dan Miskin serta ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Belimbing Subok.



RUMAH bantuan atas yang diungkayahkan di bawah satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan Kementerian Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi golongan daif, fakir dan miskin di Kampung Belimbing Subok.

Kekayaan budaya hiasi Rumah Panjang Teraja



AKSI seorang penuntut lelaki bersama penghuni Rumah Panjang Teraja sejurus sebelum membuat persembahan tarian 'Ngajat'.

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan Kuala Belait

LABI, Selasa, 3 Februari. - Rumah Panjang Teraja telah menerima rombongan pelawat terdiri daripada penuntut-penuntut dan guru-guru dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong.

Rombongan seramai 57 penuntut yang diketuai oleh Ketua Pelajar, Awang Muhammad Haris Arifin bin Abdullah membuat lawatan sambil belajar ke rumah panjang tersebut.

Turut menyertai rombongan, Ketua Guru, Dayang Hajah Siti Ainun Jariah dan Awang Ramaroo Simadari Naido.

Rombongan dialu-alukan oleh Ketua Rumah Panjang Teraja, Awang Jamit anak Lashan dan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Rumah Panjang berkenaan, Awang Burong anak Nyanggau dengan persembahan kebudayaan 'Ngajat' oleh masyarakat rumah panjang tersebut.

Selain itu rombongan juga mendengar taklimat mengenai sejarah dan perkembangan serta kehidupan masyarakat yang tinggal di rumah panjang tersebut yang disampaikan oleh Awang Burong dan dibawa melawat ke Wasai Teraja.

Rombongan juga berpeluang menyaksikan berbagai aneka kraf tangan yang dijual hasil kreativiti penghuni rumah panjang sebagai cenderamata.

Mereka juga berpeluang berinteraksi dan mencuba bakat bermain guling tangan dan menyertai tarian 'Ngajat'.

Para ilmuwan, guru agama agen pemangkin tarbiyyah bangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Para ilmuwan dan guru agama merupakan agen pemangkin tarbiyyah bangsa yang mana masyarakat menaruh harapan yang tinggi untuk dapat mendidik dan mengasuh anak-anak bangsa ke arah kejayaan, terutama yang berkait dengan aspek Ukhrawi.

Oleh itu, para ilmuwan dan juga para guru agama dalam bidang Usuluddin diseru supaya mengambil perhatian yang serius dalam pengajaran dan pembelajaran para pelajar dan anggota masyarakat di negara ini agar segala kecelaruan ataupun kekeliruan yang menghambat pemikiran orang Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar membuat seruan tersebut pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Usuluddin Keempat sempena Majlis Konvokesyen Keempat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tahun 1436 Hijrah / 2014 Masihi, berlangsung di Dewan Tarbiyah KUPU SB, di sini.

Terdahulu Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom berkata, tema seminar, iaitu 'Pendidikan Usuluddin Pemangkin Negara Zikir' adalah bertepatan dan sangat relevan dengan keadaan dan situasi masyarakat pada hari ini yang terdedah

kepada pemikiran-pemikiran, ideologi dan aliran yang tidak bersesuaian dengan pegangan beragama di negara ini, iaitu menurut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah dan juga tidak selari dengan kehidupan kita di Negara Brunei Darussalam ini.

Kemurnian ajaran agama Islam, keharmonian hidup beragama dan kekuatan umat Islam, tambahnya, menjadi terganggu dan tergugat dengan isu-isu seumpama ini dan yang paling membimbangkan ialah pengaruhnya kepada pembentukan *character* generasi masa depan yang kita harapkan untuk menjadi generasi penerus dan kesinambungan cahaya Islam khususnya di bumi Darussalam ini.

Kedua-dua situasi tersebut, ujar Yang Mulia Pengiran Dato Paduka menghendaki kita semua terutama para ilmuwan dalam bidang Usuluddin ini untuk memperkukuhkan Pendidikan Usuluddin supaya segala cabaran yang muncul itu dapat ditangani dengan baik dan berkesan.

Dengan itu jelasnya, guru-guru agama diharap akan dapat memberikan pendidikan dan pengajaran yang berkesan kepada generasi akan datang sebagai generasi yang unggul yang mampu menjadi generasi beriman, berilmu dan berakhlak mulia yang akan mengukuhkan lagi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir serta menjadi generasi yang disegani dan dihormati pada setiap masa.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

"Semoga dengan adanya seminar ini akan dapat menghasilkan resolusi-resolusi yang berkesan untuk menangani isu-isu yang terdapat dalam pendidikan Usuluddin ini demi memperkasa dan mengukuhkan lagi pendidikan Usuluddin sebagai pemangkin Negara Zikir," ujar Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom.

Pada pembukaan seminar tersebut, pembentangan kertas utama telah disampaikan oleh Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dengan tajuk 'Pendidikan Al-Qur'an dan Al-Sunnah Asas Perubahan Masyarakat'.

Dr. Haji Mohammed Hussain dalam kertas utamanya antara lain menjelaskan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan contoh terbaik dalam melakukan pembinaan untuk mengubah Arab Jahilliyyah menjadi masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi, walaupun diutus dalam tempoh yang singkat, iaitu 23 tahun.

Baginda Rasulullah, jelasnya, mendidik masyarakat Arab dengan berpandukan kepada petunjuk lengkap

yang terkandung dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah sehingga menjadikan mereka sebaik-baik umat dan kegemilangan mereka mampu bertahan beribu tahun lamanya.

Jelasnya lagi, hasil daripada kesan didikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, manusia jahat dan jahil tidak mahu lagi meminum arak, tidak lagi mahu berzina, masyarakat pemuja berhala berubah kepada masyarakat yang menyembah Allah Subhanahu Wata'ala dan masyarakat yang suka berperang akhirnya menjadi masyarakat yang berkasih sayang.

Kemungkarannya dan penyakit masyarakat itu, tambah beliau adalah disebabkan oleh tiga perkara, iaitu keyakinan terhadap Tuhan sudah nipis ataupun perasaan Tauhid sudah berkurangan, tidak yakin dengan akhirat dan manusia terlalu sayang dan cinta pada diri sendiri.

Seminar dua hari itu diisikan dengan lebih 10 tajuk kertas kerja termasuk kertas kerja utama yang dibentangkan oleh pembentang dari dalam dan luar negara dengan sub-sub tema yang telah dipilih oleh pihak penganjur.

Peserta seminar terdiri daripada pelbagai latar belakang masyarakat yang mewakili institusi-institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan di



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Pendidikan Usuluddin Keempat Sempena Majlis Konvokesyen Keempat Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Tahun 1436H / 2014M.

bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan, guru-guru sekolah Arab, para pelajar dan orang perseorangan.

Seminar diharap dapat menjadi wadah kukuh dalam memberi panduan dan dorongan kepada individu dan masyarakat agar sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah memahami segala perintah dan RasulNya dalam semua peraturan termasuk peribadatan, akhlak, susila, muamalat, munakahat, jenayat, pakaian, makanan dan minuman serta lain-lain yang berkaitan dengan segala peraturan yang digariskan oleh Islam.

Penubuhan Program Waqaf Tarbiyah KUPU SB



PEMANGKU Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar menerima Waqaf Tarbiyah daripada Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Oleh : Nooratinni Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) merupakan sebuah institusi pengajian Islam pertama menubuhkan Program Waqaf Tarbiyah sebagai satu sumbangan kolej berkenaan kepada Negara Brunei Darussalam serta menjadikannya terkenal di mata dunia.

Sehubungan itu, KUPU SB menerima Waqaf Tarbiyah daripada Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim di Bilik Hikmah, kolej berkenaan.

Turut menyumbangkan waqaf tersebut ialah Dayang Hajah Noraminah binti Mahali.

Waqaf Tarbiyah itu diserahkan kepada Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Sejak penubuhannya, program itu mendapat respons yang positif daripada warga KUPU SB mahupun masyarakat sekeliling, yang mana KUPU SB menerima waqaf daripada orang perseorangan dan secara berkumpulan.

Antara lain objektif pengurusan harta Waqaf Tarbiyah itu adalah untuk mewujudkan bentuk waqaf yang secara khas dan dapat memberi impak yang lebih besar dan meluas khususnya yang akan menyentuh sosioekonomi umat Islam, iaitu waqaf yang berterusan pembelajaran dan

pendidikan.

Terdahulu, Dr. Haji Adanan dalam ucapan alu-aluannya menyatakan sumbangan itu merupakan salah satu khazanah yang amat berharga dan ia juga adalah satu hadiah kepada

KUPU SB malah juga kepada anak bangsa Brunei.

Melalui sumbangan itu beliau berharap ia akan berkembang dan menjadi rujukan kepada bangsa Melayu atau pengkaji-pengkaji

nusantara yang berminat dalam kitab lama.

Beliau seterusnya menyeru mengalu-alukan masyarakat di negara ini yang ingin menyumbangkan Waqaf Tarbiyah di kolej tersebut.

YSHHB bantu mangsa bencana

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari. - Salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah (YSHHB) dalam bidang kebajikan ialah memberikan pemedulian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik termasuk mereka yang terlibat dalam musibah bencana rumah roboh dan kebakaran rumah.

Bantuan ini dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Justeru bagi tujuan itu, YSHHB menghulurkan sumbangan kewangan keseluruhan berjumlah BND45,200 kepada 16 buah keluarga, iaitu sebuah keluarga yang terlibat dalam musibah bencana rumah roboh di Kampung Layong, Daerah Tutong dan 15 buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Setia 'B', Daerah Brunei dan Muara (DBM), baru-baru ini.

Sumbangan-sumbangan daripada YSHHB ini disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail pada majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Pada majlis ini, ketua keluarga mangsa bencana alam dari Kampung Layong, Daerah Tutong, Dayang

Aminah binti Sumpung menerima sumbangan tersebut.

Manakala penerima sumbangan dari Kampung Setia 'B', DBM terdiri daripada Awang Haji Bangok bin Haji Damit, Awang Haji Nordin bin Haji Awang Hitam, Awang Haji Raub bin Awang Aman, Awang Aman bin Tarip, Awang Ajak bin Haji Tuah, Awang Mohd. Ali bin Liman, Awang Mohd. Rizal bin Siman, Awang Mohd. Khairul Izzat bin Abdullah, Awang Mohd. Alimadi bin Mohd. Ali, Awang Norhafiz bin

Sayang, Awang Japar bin Liman, Haji Awang Tarip bin Haji Metassan, Awang Haji Kamis bin Haji Ibrahim, Dayang Herney bin Mohd. Ali dan Awang Azri bin Yasin.

Sumbangan YSHHB itu adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli keluarga baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menyampaikan sumbangan kepada penerima.

Brunei - Thailand kukuhkan hubungan ketenteraan



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat mengalu-alukan kedatangan Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Thailand (ABDT), Tuan Yang Terutama Wapong Sanganetra semasa mengadakan kunjungan hormat ke Kementerian Pertahanan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah semasa menerima kunjungan hormat Ketua Turus Pertahanan, ABDT, TYT Wapong Sanganetra.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat telah menerima kunjungan hormat daripada Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Wapong Sanganetra dan rombongan yang mengadakan lawatan ke Kementerian Pertahanan.

Hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian

Pertahanan.

Tuan Yang Terutama Jeneral Wapong Sanganetra kemudian mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Komander ABDB, Komander Perkhidmatan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

Terdahulu, sejurus ketibaan di

Bolkiah Garison, Tuan Yang Terutama dialu-alukan oleh Pemerintah ABDB dan kemudiannya menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada anggota dari Batalion Ke-2 Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sebagai tanda kenangan, TYT juga menandatangani buku lembaran lawatan.

Lawatan TYT merupakan sebahagian daripada rangka kerjasama dua hala berterusan yang telah lama wujud, selain meneroka bidang kerjasama ketenteraan antara kedua-dua negara.

TYT dan isterinya Puan Wichuda Sanganetra serta delegasi berada di negara ini selama tiga hari bagi lawatan pengenalan.



KETUA Turus Pertahanan, ABDT, TYT Wapong Sanganetra memeriksa perbarisan kehormatan sejurus tiba di Kementerian Pertahanan.

Lahirkan sukarelawan berwawasan, berintegriti

Oleh : Dk. Vivy MalessaPg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menerima sumbangan Tiket Dino Park Exhibition 2015 kepada anak-anak yatim Daerah Tutong dan peserta Kelas Bimbingan Pusat Bahagia Daerah Tutong yang disumbangkan oleh Pengurus Fitness Zone, Wu Chun.



PARA peserta Program Sukarelawan Daerah Tutong menghadiri Taklimat Kesihatan yang dikendalikan oleh pemegang rekod dunia dan pelari veteran, Janette Murray dan suaminya, Alan Murray.

TUTONG, Isnin, 2 Februari. - Program Perkampungan Sukarelawan Daerah Tutong yang bermula Isnin 1 Februari diteruskan dengan aktiviti riadah berkayuh menyeberang Sungai Tutong menuju ke Mercu Tanda Sungai Tutong.

Seramai 20 orang peserta telah menyertai program berkenaan yang merupakan salah satu inisiatif Jabatan Daerah Tutong (JDT) untuk menubuhkan sukarelawan di daerah tersebut yang akan berperanan menyelaras apa jua aktiviti dalam memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Semasa berada di kawasan Mercu Tanda Sungai Tutong, para peserta mengikuti aktiviti membuat kuih tradisional penyaram dan juga menyaksikan demonstrasi cara mendapatkan isi buah nipah yang tumbuh segar di sepanjang Sungai Tutong.

Hadir sama dalam aktiviti berkenaan ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Para peserta kemudian menghadiri Ceramah Kesihatan anjuran Raw Food

Asia yang dikendalikan oleh dua orang warga Australia yang mendukung makanan semula jadi ke arah kehidupan yang sihat.

Pada sebelah petangnya para peserta menyertai kerja-kerja menyelaras Majlis Penyampaian Sumbangan Tiket Dino Park Exhibition 2015 kepada anak-anak yatim Daerah Tutong dan peserta Kelas Bimbingan Pusat Bahagia Daerah Tutong di kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong.

Program yang diadakan selama empat hari itu merupakan yang pertama diadakan di daerah ini dengan pengisian aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan mengukuhkan jati diri dan mengembangkan kemahiran serta pengalaman untuk menjadi individu yang sentiasa bersedia sedia menyumbangkan tenaga dalam apa jua program kerja atau kegiatan secara sukarela.

Selain itu, program berkenaan juga dimuatkan dengan taklimat yang disampaikan oleh beberapa orang perwakilan daripada agensi kerajaan, di samping aktiviti keagamaan dan sesi percambahan minda.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi menyaksikan demonstrasi cara mendapatkan isi buah nipah semasa berada di Mercu Tanda Sungai Tutong. Juga kelihatan ialah pemegang rekod dunia dan pelari veteran, Janette Murray dan suaminya, Alan Murray.

Antara perisian yang dimuatkan pada program tersebut termasuklah mengendalikan Projek Sukarelawan Kemasyarakatan dan Perekonomian, yang mana peserta akan diberikan tugas secara berkumpulan untuk membantu golongan masyarakat yang memerlukan bantuan dengan menggunakan kemahiran dan pengalaman masing-masing serta melaksanakan projek bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam bidang keusahawanan melalui produk atau perkhidmatan sedia ada yang diusahakan oleh golongan ibu tunggal, Majlis Perundingan Kampung atau individu di Daerah Tutong dengan menggunakan kreativiti dan inovasi masing-masing.

Tujuan utama program ini diadakan ialah bagi menyediakan platform terbaik kepada para peserta untuk menunjukkan kebolehan dan kemahiran diri serta kepakaran dalam bidang masing-masing melalui kerja-kerja amal dan sukarelawan, di samping melahirkan sukarelawan yang berwawasan dan berintegriti sebagai contoh terbaik kepada sukarelawan yang akan datang.

Selain itu ia juga dihasratkan bagi membentuk kumpulan ahli Sukarelawan Daerah Tutong yang mempunyai pelbagai latar belakang, pendidikan, pekerjaan dan kemahiran di dalam semua aspek yang diperlukan oleh semua masyarakat dan negara dalam melaksanakan kerja-kerja sukarelawan.

Program tersebut akan diadakan secara berterusan yang dikendalikan bersama dengan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Daerah Tutong termasuk Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Persatuan Bulan Sabit Merah dan ahli-ahli Jawatankuasa Sukarelawan Daerah Tutong.

Kongsi pengetahuan penyakit tidak berjangkit

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 3 Februari. - Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit dilancarkan ke daerah ini dengan mengadakan forum sempena kempen berkenaan yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan



SEORANG ahli panel forum, Pegawai Perubatan Kanan dan Ketua Unit Cara Hidup Sihat, Pusat Promosi Kesihatan, Doktor Ernina Nidzarinah binti Haji Abd. Rani semasa membentangkan tajuk 'Hargai Persekitaran Bebas Tembakau'.

Kemasyarakatan Pekan Bangar. Sesi forum yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, selaku tetamu kehormat itu telah disampaikan oleh empat pakar tempatan yang mengongsikan ilmu dan maklumat dengan memfokuskan kepada empat mesej utama berdasarkan faktor-faktor risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Berucap semasa forum tersebut ialah Pegawai Perubatan Bahagian Kesihatan, Pejabat Perkhidmatan Kesihatan Daerah Temburong, Dr. Haji Norzaidi bin Haji Md. Saini, selaku Pengerusi Bersama berkata, beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan pada peringkat individu bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit di negara ini daripada berleluasa ialah dengan melakukan amalan-amalan sihat seperti pengambilan pemakanan sihat dan seimbang serta melakukan kegiatan fizikal secara berterusan.

Selain itu katanya lagi, tidak merokok dan menjauhi produk-produk tembakau, bijak mengawal stres, memantau berat badan, menjalankan pemeriksaan kesihatan diri secara berkala dan mematuhi pengambil ubat

yang diberikan oleh doktor juga boleh mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit daripada berleluasa.

"Pihak-pihak yang berkepentingan juga perlu bertindak sekarang dalam memastikan persekitaran fizikal, sosial, budaya dan ekonomi di negara ini adalah kondusif bagi orang ramai mengubah tingkah laku dan mendukung ke arah amalan cara hidup sihat," ujarnya.

Selain forum bertemakan 'Kesihatan Tanggungjawab Kitani. Bertindak Sekarang', juga diadakan pameran yang diharap akan dapat memberikan lebih banyak maklumat penting dan relevan dengan kandungan pameran adalah berdasarkan kepada ideologi model *healthy settings*, iaitu persekitaran kondusif yang menggalakkan amalan cara hidup sihat.

Antara yang dipamerkan ialah amalan sihat di sekolah seperti teknik mencuci tangan, teknik memberus gigi dan memflos gigi; kesihatan di tempat kerja dan kegiatan fizikal di tempat kerja dengan melakukan regangan di pejabat, gim dan sukan, alternatif penggunaan kereta dan senaman berkumpulan.

Selain itu program rintis restoran sihat, khidmat nasihat ubat dan label makanan juga dipamerkan bagi menyalurkan maklumat kepada orang ramai.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, selaku tetamu kehormat semasa forum sempena Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit.



ANTARA yang hadir semasa forum sempena Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Pesta Buku galakkan masyarakat membaca

MUMONG, Ahad, 1 Februari. - Pesta Buku Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait mendapat sambutan yang menggalakkan daripada lebih 10 buah syarikat buku di negara ini.

Pesta dua hari itu merupakan kerjasama di antara Unit Bahasa Inggeris sekolah tersebut dan Perkhidmatan Pendidikan CFBT Brunei Darussalam.

Dr. Greg Keaney telah merasmikan pameran tersebut, pelbagai acara sampingan juga diadakan sepanjang dua hari acara berlangsung seperti pameran lego, cabaran kitar semula, pameran haiwan eksotik, jualan makanan dan minuman dan sebagainya. Majlis diadakan di SMSA, di sini.

Pameran tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran budaya membaca dalam kalangan warga sekolah serta orang ramai dan seterusnya akan menggalakkan aktiviti membaca sebagai satu amalan.

Antara yang menyertainya ialah Hornbill Art Gallery dan Rain Forest Handcraft dari Miri, Sarawak yang diundang khas oleh SMSA untuk menyertai serta menambah keceriaan serta tarikan pengunjung ke pameran tersebut.

Pelbagai *genre* buku dijual pada acara tersebut, antaranya *genre* pendidikan, agama, sukan dan sebagainya.

Selain itu, buku-buku yang dijual adalah dengan harga yang murah dan berpatutan.

Aktiviti membaca selain menambah ilmu pengetahuan ia juga mampu menajamkan minda. Pengetahuan adalah sebagai kekuatan dan keutuhan yang menjadi teras serta prasyarat untuk menjadi individu yang dinamik.

Ia merupakan sebagai satu langkah bagi meningkatkan lagi usaha memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat termasuk

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



GAMBAR ramai Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Rahman bin Haji Nawawi, Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Ali dan atlet tahan lasak yang diiktiraf antarabangsa dan pemegang rekod dunia dari Australia, Janette dan Alan Murray.



PAMERAN juga dihadiri oleh pelajar-pelajar sekolah di Daerah Belait.

tanus bangsa dan para belia tanah air yang akan menjadi pewaris dan penentu hala tuju negara pada masa akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam pameran tersebut ialah Pengarah Perkembangan Kurikulum,

Kementerian Pendidikan, Awang Haji Rahman bin Haji Nawawi.

Di samping itu, tetamu kehormat juga berkesempatan beramah mesra dengan atlet tahan lasak antarabangsa dan pemegang rekod dunia dari Australia, Janette dan Alan Murray.

Pupuk keselamatan di tempat kerja

Siaran Akhbar Jabatan Percetakan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Februari. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan semua kakitangan tentang pentingnya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, Jabatan Percetakan Kerajaan menganjurkan Minggu Kesedaran Keselamatan bermula dari 2 hingga 7 Februari di Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Minggu Kesedaran Keselamatan dengan tema 'Bersama Membudayakan Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja' meliputi dan menekankan semua elemen-elemen keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang berkaitan seperti memakai alat pelindungan diri semasa mengendalikan mesin-mesin cetak dan mengekalkan penjagaan yang baik, untuk memupuk keselamatan di tempat kerja dan kesihatan sebagai satu budaya kerja.

Dengan kerjasama Bahagian Kesihatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Promosi Kesihatan, Bahagian Psikologi dan Pusat Resusitasi Kebangsaan Brunei, akan ada taklimat dan demonstrasi yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing pada Keselamatan Tempat Kerja dan Kesihatan, Pampasan Pekerja Tuntutan, Mesin Keselamatan, Pengendalian Asid dan Kimia, Peralatan Perlindungan Peribadi, Tekanan Di Tempat Kerja, mengendali Manual dan Ergonomik.

Sesi lain juga termasuk demonstrasi *bandaging* dan pemeriksaan kesihatan. Di bahagian lain, aktiviti seperti sesi aerobik dan kempen pembersihan juga akan dijalankan sebagai kepercayaan jabatan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang seimbang dapat memberi motivasi kepada pekerja untuk menjadi lebih produktif.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Percetakan Kerajaan ketika menghadiri sesi Minggu Kesedaran Keselamatan yang bermula 2 hingga 7 Februari.

Umat Islam dilarang merayakan perayaan agama lain

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Islam adalah agama damai, aman dan sejahtera. Islam adalah satu-satunya agama yang direndhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang disampaikan melalui Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Maa'idah, ayat 3:

Tafsirnya: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan ke atas kamu nikmatKu dan Aku telah redhai bagi kamu Islam sebagai agama kamu."

Agama Islam itu adalah agama yang syumul yang menjaga hubungan antara makhluk dengan penciptaNya (Allah Subhanahu Wata'ala) dan hubungan antara sesama manusia tanpa mengira agama dan bangsa yang diistilahkan sebagai 'Hablum Minallah' dan 'Hablum Minannas'.

Dalam konteks hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam, Islam tidak pernah melarang umatnya berurusan dan bergaul dengan penganut agama lain selama mana mereka tidak memerangi umat Islam dan tidak membuat perkara-perkara yang dilarang atau ditegah Islam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mumtahanah, ayat 8-9:

Tafsirnya: "Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang adil. Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama kamu, mengusir kamu dari kampung halaman kamu dan membantu orang lain untuk mengusir kamu. Dan sesiapa menjadikan mereka sebagai teman rapat maka mereka itulah orang-orang zalim."

Adapun maksud berbuat baik dan berlaku adil dalam ayat tersebut ialah mengadakan hubungan dengan mereka yang tidak memerangi umat Islam. Namun bukanlah sama sekali maksud berbuat baik dan berlaku adil di sini sebagai harus bertoleransi dan redha terhadap pegangan yang

mereka anuti.

Terdapat peraturan dan batas yang mesti diambil perhatian dalam berurusan dengan orang bukan Islam. Kita tidak dibolehkan melakukan sesuatu yang mencemarkan atau menjejaskan akidah kita semata-mata untuk mencari redha atau suka mereka, kerana perkara berbuat baik dan berlaku adil yang diperintahkan itu adalah terikat dengan sesuatu yang tidak melanggar syariat Islam.

Bahkan seseorang itu tidak dianggap beriman jika dia menolong dan redha terhadap orang yang melakukan kekufuran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mujaadalah, ayat 22:

Tafsirnya: "Engkau tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat tergamak berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang perintah Allah dan rasulNya walaupun orang-orang yang menentang itu adalah bapa-bapa dan datuk-nenek, anak-anak, adik-beradik atau kaum kerabat mereka."

Menurut fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam bahawa penganut-penganut agama lain yang bernaung di bawah pemerintahan negara Islam adalah dibolehkan mengamalkan agama atau meraikan perayaan agamanya sesama mereka dengan syarat upacara keagamaan itu tidak dizahirkan kepada orang Islam terutama perkara-perkara yang berupa cogan-cogan dan simbol-simbol kekufuran. Mereka juga dilarang daripada memperdengarkan kepada orang Islam perkataan-perkataan syirik yang menyekutukan Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemeriahan hari-hari perayaan yang disambut oleh penganut agama lain kadangkala menggamit sesetengah orang Islam untuk turut sama meraiikannya. Perlu kita sedar bahawa setiap perayaan agama lain yang diadakan itu bukan hanya sekadar sambutan semata-mata, tetapi juga sebagai memperingati atau berhubung kait dengan akidah dan kepercayaan mereka. Dalam kemeriahan menyambut perayaan seumpama itu, tentu saja wujud kepercayaan atau amalan yang bercanggah dengan akidah Islam. Kadang-kadang kepercayaan itu juga diselitkan dalam bentuk hiburan, dengan membawa maksud sama ada untuk memeriahkan suasana perayaan atau ada tujuan keagamaan yang tidak disedari.

Oleh kerana itu, orang-orang Islam perlulah

berhati-hati agar tidak mudah terikut-ikut dengan perayaan sedemikian yang langsung tidak ada kaitannya dengan Islam. Kerana ditakuti dari perbuatan terikut-ikut itu ialah *tasabbuh* (penyerupaan) yang tidak atau kurang disedari boleh mencacatkan akidah umat Islam. Orang Islam adalah dilarang menyerupai amalan agama lain dalam perkara yang berkaitan dengan kepercayaan mereka.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: "Dari Ibnu Umar Radiallahuanhuma ia berkata, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada golongan mereka (kaum yang diserupainya itu)."

Adapun maksud *tasabbuh* (penyerupaan) dengan sesuatu kaum itu ialah seperti berkelakuan dengan tingkah laku mereka, termasuk cara berpakaian dan berhias dalam bentuk penyerupaan yang khusus, seperti turut mengambil bahagian dalam persembahan tarian naga, memakai pakaian *santa clause*, menghias rumah dengan gambar-gambar atau simbol-simbol yang bertentangan dengan ajaran Islam dan seumpamanya. Penyerupaan sedemikian ini, boleh jadi setengah orang kita menganggapnya perkara remeh, tetapi sebenarnya tidak, malah ia boleh menjejaskan akidah orang Islam. Oleh yang demikian sayugia ianya dijauhi.

Dengan yang demikian itu akan terpeliharalah umat Islam untuk kekal berpegang dengan ajaran-ajaran agamanya, berilmu pengetahuan dan tahu membezakan antara yang hak dan yang bathil, antara yang haram dan yang harus, antara yang baik dengan yang buruk. Dalam pada itu keharmonian dengan penganut agama-agama lain tetaplah dijaga dengan sebaik-baiknya.

Pada hakikatnya, Islam tidaklah melarang penganutnya berkunjung ke tempat-tempat orang bukan Islam pada bila-bila masa yang bersesuaian sebagai tradisi terbaik-baik yang mungkin sahaja mereka itu terdiri dari keluarga dan saudara-mara, sahabat atau kawan dan jiran tetangga yang belum menerima cahaya Islam, tetapi ada ketikanya kunjungan dielakkan apabila bersangkutan dengan munasabah-munasabah keagamaan atau kepercayaan-kepercayaan, kerana ditakuti kita akan turut menyerupai atau meredhai atau



membenarkan kepercayaan mereka itu.

Nasihat menjaga akidah dan kesucian Islam, tidak saja dilakukan bersempena dengan menyambut hari raya bukan Islam, tetapi juga biasa dilakukan ketika menyambut hari raya orang-orang Islam sendiri. Nasihat-nasihat itu misalnya meminta supaya mengelakkan daripada perbuatan membazir, jangan merayakannya dengan perayaan-perayaan yang mendatangkan dosa, seperti menghidang minuman keras, campur gaul bebas yang menyalahi hukum agama di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan lain-lain lagi.

Dalam makna, kewajipan memberi nasihat ini adalah untuk semua keadaan, sama ada ia berkaitan dengan orang bukan Islam dan bahkan kepada orang-orang Islam sendiri juga adalah dinasihat sebagai langkah untuk memelihara keharmonian, kepentingan dan kebaikan semua pihak, lebih-lebih lagi bagi menyelamatkan akidah umat Islam.

Akhirnya, sama-samalah kita mengambil ingatan tidak akan terpengaruh dan terikut-ikut dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah kita, dan semoga kita semua terselamat daripada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala, Amin ya rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Jaatsiyah, ayat 18:

Tafsirnya: "Kemudian Kami jadikan Engkau wahai Nabi Muhammad berada di atas suatu syariat (jalan yang lurus) tentang urusan agama maka ikutilah syariat itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui kebenarannya."

وقت سمبهيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساک ، شوروق دان ضحي

وقت سمبهيغ ، امساک ، شوروق دان ضحي باقي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 7 فيفوري 2015 برسامان دغن 17 ربيع الأخير 1436 هيفغ
كهارى جمعة 13 فيفوري 2015 برسامان 23 ربيع الأخير 1436 اداله سقرت دباوه اين:

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساک	هجريه ربيع الأخير	هاري	مسيحي فيفوري
7.44	6.33	3.56	12.36	7.00	6.36	5.17	5.07	17	سبتو	7
7.44	6.33	3.56	12.36	7.00	6.36	5.17	5.07	18	احد	8
7.44	6.33	3.56	12.36	7.00	6.36	5.17	5.07	19	اثنين	9
7.44	6.33	3.56	12.36	7.00	6.36	5.17	5.07	20	ثلاث	10
7.44	6.33	3.56	12.36	6.59	6.35	5.17	5.07	21	رابو	11
7.44	6.34	3.56	12.36	6.59	6.35	5.17	5.07	22	خميس	12
7.44	6.34	3.56	12.36	6.59	6.35	5.17	5.07	23	جمعة	13

وقت 2 سمبهيغ باقي داعيره توتوغ دتميه ساتو ميئيت دان داعيره بلايت دتميه تيف ميئيت دان سمبهيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروني دارالسلام
دمولاعي دري فوكول 12.45 نغه هاري

Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh



Rencana dan Foto :
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Rahimah Haji Tamin, Nurul Syakirah Zaini



KAMPUNG Bebuloh merupakan salah sebuah kampung yang terletak di Daerah Brunei dan Muara. Kampung ini ditadbir oleh Ketua Kampungnya, iaitu Awang Haji Said bin Tundak, beliau mula menjawat jawatan tersebut pada tahun 1997 hingga sekarang. Selain daripada itu juga Kampung Paya Karangan, Durian Suluk dan Tedungan juga termasuk dalam pentadbiran Kampung Bebuloh.

Asal usul nama kampung ini diambil daripada sebatang pohon besar yang ganjil, dijumpai tengah-tengah kampung. Batang pohon tersebut seakan-akan memiliki bulu yang lebat. Maka daripada itu, penduduk kampung tersebut menamakan kampung ini, Kampung Bebulu. Namun disebabkan kampung tersebut banyak tumbuhnya buluh, akhirnya nama kampung tersebut secara rasminya menjadi Kampung Bebuloh.

Kampung ini mempunyai keramaian penduduk lebih 900 orang dan hanya 594 orang yang menetap.

Antara kemudahan-kemudahan awam yang terdapat di kampung ini antaranya, sekolah rendah, surau, bekalan elektrik dan air serta perkhidmatan telefon.

Sementara itu Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bebuloh aktif mengadakan pelbagai aktiviti dan program. Antara program yang diadakan ialah Bengkel Kebudayaan dan Bengkel Kraf Tangan.

BENGKEL KEBUDAYAAN

Di bawah bengkel ini, aktiviti-aktiviti kebudayaan masyarakat Kampung Bebuloh diketengahkan antaranya; tarian dan musikal tradisional. Mereka menjalani latihan setiap malam Khamis. Bengkel ini lebih kepada pengenalan tentang tradisi dan budaya masyarakat Bisaya khususnya. Mereka mengadakan tarian ini untuk persembahan-persembahan semasa perayaan dan sebagainya.

BENGKEL KRAF TANGAN DAN ANYAMAN

Satu Kampung Satu Produk adalah inisiatif kerajaan bagi meningkatkan ekonomi dalam kalangan masyarakat kampung dan secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi ekonomi negara. Usaha-usaha sebegini mampu mengembanguatkan produk-produk kampung sehingga ke arah penghasilan sekala yang besar, di samping untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong. Salah satu produk Kampung Bebuloh ialah anyaman bakul, takiding, beg, topi, bubu dan sebagainya. Anyaman-anyaman ini dilakukan oleh kaum perempuan baik yang tua mahupun yang muda. Aktiviti ini di bawah Bengkel Kraf Tangan dan Anyaman yang diungkuhkan oleh Biro Ekonomi, MPK.

PENANAMAN PADI

Hasil perekonomian utama kampung ini ialah penanaman padi. Padi yang telah dikatam akan

dijual dengan harga BND1.60 sekilo. Padi ini akan dihantar ke Jabatan Pertanian untuk diproses menjadi beras.

INAP DESA

Program Homestay di Kampung Bebuloh adalah salah satu contoh projek berskala besar yang sedang diusahakan oleh penduduk kampung selepas penanaman padi yang telah diusahakan lebih awal dalam sama-sama mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Program Satu Kampung Satu Produk yang dinamakan 'Program Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh'.

Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada 20 Disember 2012. Ia dibina oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan menelan kos sekitar BND163,000 dengan reka bentuk berkonsepkan kayu moden. Terletak 20 kilometer atau 45 minit perjalanan dari Bandar Seri Begawan, Rumah Inap Desa Kampung Bebuloh sememangnya saujana mata memandang berlatarbelakangkan sawah-sawah padi yang luas terbentang yang menarik bagi penginap yang gemarkan suasana alam sekitar yang masih terjaga dengan hutan yang menghijau dan juga suasana sekeliling yang tenang.

Ia mempunyai buah bilik termasuk sebuah bilik ibadat yang lengkap untuk kemudahan penginapan dengan sebuah menara setinggi enam meter bagi yang ingin menyaksikan keadaan sawah-sawah padi di sekeliling Rumah Inap ini daripada aras tinggi. Selain dibina di dalam kawasan penanaman padi, Rumah Inap Desa ini memperkenalkan pada orang ramai khasnya penginap dengan nama-nama padi yang dihasilkan di kampung ini dan dipilih sebagai nama bilik seperti Bilik Adan, Bilik Laila dan Bilik Bario yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang lain antaranya bekalan api elektrik dan bilik air malah basikal sewa juga disediakan bagi penginap yang ingin menikmati suasana kampung sambil melihat sendiri para peladang mengusahakan tanaman padi mereka.

Penyewaan bilik adalah mengikut pakej yang ditetapkan oleh MPK Bebuloh selaku penyelaras Rumah Inap Desa, antaranya pakej cuti sekolah, cuti umum selain hari-hari bekerja iaitu hari Isnin hingga Khamis.

Rumah Inap Desa ini bukan saja memperkenalkan Kampung Bebuloh sebagai satu tempat tarikan pelancong malah ianya juga boleh dijadikan tempat menimba ilmu bagi yang ingin mempelajari cara-cara penanaman padi terutama sekali bagi pelancong-pelancong luar



yang ingin melihat sendiri cara-cara para peladang mengusahakan penanaman padi mereka memandangkan Rumah Inap Desa ini adalah terletak di dalam kawasan sawah-sawah padi.

Penempatan program Inap Desa berhampiran dengan penanaman padi ini yang pastinya akan membuka peluang bagi generasi-generasi muda yang ingin mengetahui dengan lebih jelas lagi mengenai aktiviti penanaman padi di negara ini.



Berangkat kurniakan tauliah 22 pegawai ABDB

Oleh : Noorati Haji Abas, Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohiddin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP), ABDB, Perkhemahan Sungai Akar.

SUNGAI AKAR, Khamis, 5 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), berkenan berangkat ke Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP), ABDB, Perkhemahan Sungai Akar, di sini.

Kebangkitan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di hadapan Markas Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekema Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah.

Sejurus itu, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja dan seterusnya memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik dan Sovereign's Parade terdiri daripada 17 Pegawai Kadet Lelaki dan lima Pegawai Kadet Wanita di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 862 Kapten Khairul Faizin bin Haji Abd. Ghafar.

Juga menyertai perbarisan

termasuk 30 bakal Pegawai Kadet yang masih menjalani latihan daripada Pengambilan Ke-13 di sekolah berkenaan.

Upacara yang dilaksanakan mengikut tradisi ketenteraan itu disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat, diikuti perbarisan mara ke hadapan.

Pada upacara ini, baginda juga berkenan mengurniakan titah dan anugerah-anugerah kepada Pegawai Kadet Terbaik dalam setiap jurusan bagi Pengambilan Ke-12 sekolah ini.

Mendahului pengurniaan anugerah ialah Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 18433 Pegawai Kadet Amirul Adini bin Haji Amir Abas. Selepas itu, baginda juga berkenan mengurniakan titah dan anugerah-anugerah kepada Pegawai Kadet Terbaik dalam setiap jurusan bagi Pengambilan Ke-12 sekolah ini.

Baginda juga berkenan mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 50841 Pegawai Kadet (Udara) Mohammad Ali Farid bin Ibrahim. Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera (U), beliau akan ditugaskan sebagai Juruterbang Dalam Latihan, No. 63 Skuadron Cawangan Latihan, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Sementara Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera pula diterima oleh 50842 Pegawai Kadet Mohammad Ros Azmi bin Roslan.

Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera, beliau akan

ditugaskan sebagai Ketua Platun di Kompeni 'E', Batalion Pertama, TDDB.

Manakala penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani dikurniakan kepada 50843 Pegawai Kadet (Laut) Haji Mohd. Syahmi Fakhrrullah.

Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera (L), beliau akan ditugaskan sebagai Pegawai Dalam Latihan di Kapal Diraja Brunei DARUTTAQWA, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Upacara diteruskan dengan tiga kali laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' daripada pasukan perbarisan, diikuti bacaan doa selamat oleh Penolong Ketua, Jabatan Agama, ABDB 761 Kapten Ariffin bin Amit.

Baginda kemudian dijunjung berangkat ke Mes Pegawai bagi Majlis Santap Ringan, diikuti dengan Majlis Junjung Ziarah daripada Pegawai-Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan bersama keluarga serta berkenan menerima pesambah yang diberi nama 'Al-Atijah Waqta' daripada Pegawai-Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12.

Pesambah itu merangkumi alat berupa kompas dan jam matahari (*sundial*), yang mana simbol alat tersebut menekankan kepentingan waktu dan hala tuju seseorang dalam semua urusan beragama dan bernegara.

Kepentingan pengurusan waktu atau masa dengan baik merupakan tanggungjawab besar (sebagai komponen disiplin) setiap pegawai kadet khususnya dalam menemani amanah dan kesetiaan kepada raja demi menjaga keselamatan negara ini.

Jarum kompas yang sentiasa menghalu ke satu arah itu melambangkan kesatuan pasukan dalam mencapai satu misi yang sama, iaitu misi ABDB dalam mempertahankan negara.

Sementara Corak Ayer Muleh melambangkan adat resam yang sentiasa dikekalkan oleh Sekolah Pegawai Kadet dalam membentuk pegawai-pegawai muda yang menghubungkan dan menyatukan kesemua adat dan tradisi orang kita, iaitu 'Calak Brunei' yang bersandar kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Kemudian, kedudukan Mohor Diraja pula melambangkan kedudukan kepimpinan yang strategik, mencerminkan betapa pentingnya keutamaan kepimpinan dalam melaksanakan segala arahan dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada setiap pegawai.

Mohor Diraja itu juga merupakan simbol kepimpinan dan tanggungjawab bagi pegawai ABDB untuk menjaga dan memelihara identiti, selaku rakyat Negara Brunei Darussalam yang mana kedudukannya di tengah-tengah memperlihatkan pemerintahan raja yang wajib ditaiuti serta dipatuhi tanpa berbelah bahagi.

Baginda juga berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan dan Buku Perjalanan Pegawai Kadet yang baru ditauliahkan serta berkenan menerima junjung ziarah daripada jurulatih-jurulatih dan pegawai-pegawai Sekolah Pegawai Kadet termasuk beberapa pegawai tentera dari negara-negara sahabat sebelum dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB bergambar ramai sempena Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, AP, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan memeriksa pasukan perbarisan terdiri daripada Kawalan Kehormatan Statik dan Sovereign's Parade terdiri daripada 17 Pegawai Kadet Lelaki dan lima Pegawai Kadet Wanita di bawah perintah Pegawai Perbarisan, 862 Kapten Khairul Faizin bin Haji Abd. Ghafar.



KEBAWAH DYMM semasa mengurniakan Anugerah Terbaik Akademik kepada 50841 Pegawai Kadet (U) Mohammad Ali Farid bin Ibrahim.



KEBAWAH DYMM semasa mengurniakan Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani kepada 50843 Pegawai Kadet (Laut) Haji Mohd Syahmi Fakhrrullah bin Haji Mohammad Is'rah.



KEBAWAH DYMM semasa mengurniakan Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera kepada 50842 Pegawai Kadet Mohammad Ros Azmi bin Roslan.



SALAH seorang Pegawai Kadet bertauliah bersama keluarga bergambar dengan Kebawah DYMM.



BAGINDA berbual mesra bersama seorang Pegawai Kadet bertauliah.



KEBAWAH DYMM semasa menerima pesambah 'Al-Atijah Waqta' daripada Pegawai-Pegawai Kadet bertauliah Pengambilan Ke-12.



KEBAWAH DYMM semasa menerima pesambah daripada Pegawai-Pegawai Kadet bertauliah Pengambilan Ke-12.



PERBARISAN berjalan lalu semasa Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, AP, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar.

Latihan pegawai mengajar jadi seorang pemimpin

Oleh : Khartini Hamir, Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

SUNGAI AKAR, Khamis, 5 Februari. - Sempena Upacara Sovereign's Parade yang diadakan di Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan (AP), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Perkhemahan Sungai Akar, di sini, seramai 22 Pegawai Kadet telah berjaya menamatkan latihan mereka selama 48 minggu.

Dalam kesempatan itu, PELITA BRUNEI sempat menemu bual bersama penerima Anugerah 'Sword of Honour', 18433 Pegawai Kadet Amirul Adini bin Haji Amir Abas, berkelulusan MSc Material Science and Engineering dari Imperial College London dan juga adalah seorang penerima biasiswa Pemerintah Tertinggi (Supreme Commander) menjelaskan latihan di akademi tersebut adalah sangat mencabar bermula daripada 'orang awam' sehingga menjadi seorang tentera dengan melalui beberapa Penggal Generik dengan diajarkan segala asas-asas tertentu mengenai ketenteraan dan kepimpinan.

"Antara cabaran yang perlu ditangani di sepanjang menjalani latihan di akademi tersebut ialah belajar untuk mengadaptasi dan mengharungi segala latihan tersebut dengan penuh disiplin dan profesional serta mempunyai keazaman dan kegigihan untuk terus maju dan memperbaiki diri dari semasa ke semasa yang sememangnya memainkan peranan yang sangat penting untuk melengkapkan diri sebagai seorang Pegawai Tentera yang berkaliber dan berwawasan," katanya.

Selepas ditauliahkan, beliau akan bertugas sebagai Ketua Platun di Kompeni 'A', Batalion Ketiga, Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) merupakan simbol tonggak kecemerlangan keseluruhan terbaik bagi Pegawai Kadet dan antara syarat serta kriteria

pengurniaan Anugerah Pedang Kehormatan adalah bagi Pegawai Kadet yang mempunyai pencapaian tertinggi di dalam latihan asas ketenteraan, akademik, fizikal dan latihan fasa kedua dalam semua aspek keseluruhan.

Di samping itu, Pegawai Kadet tersebut hendaklah terbaik dari segi kepimpinan, komitmen dan menunjukkan keperibadian yang positif dari awal hingga akhir latihan Pegawai Kadet di Sekolah Pegawai Kadet AP ABDB.

Penerima Anugerah Terbaik Akademik, 50841 Pegawai Kadet (U) Mohammad Ali Farid bin Ibrahim, berkelulusan MSc Energy Studies dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) menjelaskan di sepanjang mengikuti latihan di akademi ini bukan sahaja mencabar dari segi fizikal malahan



18433 Pegawai Kadet Amirul Adini bin Haji Amir Abas (penerima Anugerah Pedang Kehormatan) ... Latihan di akademi adalah sangat mencabar bermula daripada 'orang awam' sehingga menjadi seorang tentera dengan melalui beberapa Penggal Generik dengan diajarkan segala asas-asas tertentu mengenai ketenteraan dan kepimpinan.

juga dari segi mental yang mana mereka terpaksa mengharungi dan melalui pelbagai latihan ketahanan dan *leadership qualities*.

Mengenai latihan akademik, ujarnya, mereka didedahkan dengan isu-isu semasa mengenai keselamatan di Negara Brunei Darussalam dan hubungan antarabangnya dan adalah disarankan kepada bakal para Pegawai Kadet untuk sentiasa berfikir positif dan berusaha dengan gigih untuk mencapai apa yang dikehendaki demi kesejahteraan masa depan.

Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera Udara, beliau akan ditugaskan sebagai Juruterbang Dalam Latihan, No. 63 Skuadron Cawangan Latihan, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Anugerah Terbaik Akademik dianugerahkan kepada Pegawai Kadet yang berjaya mendapatkan keputusan tertinggi bagi keseluruhan pelajaran akademik, penilaian pemenang ini adalah berdasarkan pencapaian aspek akademik keseluruhan yang bermutu



50841 Pegawai Kadet (Udara) Mohammad Ali Farid bin Ibrahim (penerima Anugerah Terbaik Akademik) ... Latihan mencabar dari segi fizikal malahan juga dari segi mental di mana terpaksa mengharungi dan melalui pelbagai latihan ketahanan dan *leadership qualities*.

tinggi yang merangkumi penulisan esei, penyampaian taklimat, peperiksaan dan pengetahuan luas dalam hal ehwal semasa.

Anugerah ini juga berdasarkan kepada keputusan keseluruhan akademik yang cemerlang pada sepanjang penilaian akademik semasa kursus.

Sementara itu, Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera pula diterima oleh 50842 Pegawai Kadet Mohammad Ros Azmi bin Roslan yang berkelulusan Ijazah dalam Business dan Finance dari Universiti Northumbria menerima anugerah yang dikurniakan berdasarkan kepada kejayaannya mendapat keputusan cemerlang dalam semua mata pelajaran Kemahiran Tentera, sementara penilaian anugerah ini juga berdasarkan peratus keseluruhan yang tertinggi pada semua mata pelajaran Kemahiran Tentera.

Selepas ditauliahkan sebagai Pegawai Tentera, beliau akan ditempatkan sebagai Ketua Platun di Kompeni 'E', Batalion Pertama,



50842 Pegawai Kadet Mohammad Ros Azmi bin Roslan (penerima Anugerah Terbaik Kemahiran Tentera) ... Anugerah yang diterima tanda kejayaan dan kecemerlangan bagi saya.

TDDB.

Manakala penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani dianugerahkan kepada 50843 Pegawai Kadet (Laut) Awang Haji Mohd. Syahmi Fakhruddin yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran dari Universiti Tun Abdul Razak.

Anugerah yang beliau terima ini merupakan satu pengiktirafan berdasarkan pencapaian terbaik Pegawai Kadet dari segi pencapaian latihan jasmani yang cemerlang dalam sepanjang tempoh latihan dijalankan.

Kriteria anugerah ini juga mestilah mempunyai daya ketahanan jasmani yang mantap, konsisten dan menunjukkan peningkatan yang positif dari semasa ke semasa di dalam semua latihan fizikal.

Selepas ditauliahkan menjadi Pegawai Tentera Laut, beliau akan ditugaskan sebagai Pegawai Dalam Latihan di Kapal Diraja Brunei DARUTTAQWA, TLDB.



50843 Pegawai Kadet (Laut) Awang Haji Mohd Syahmi Fakhruddin bin Haji Mohammad Is'rah (penerima Anugerah Terbaik Ketahanan Latihan Jasmani) ... Anugerah yang diterima merupakan satu pengiktirafan.

Cintakan negara sangat dituntut

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 5 Februari. - Cintakan negara amat dituntut oleh agama Islam oleh itu Pekerja Kanan Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Belait, Awang Rosketina bin Abd. Rahman menyeru para belia supaya taat kepada Allah, setia kepada raja dan cinta kepada negara.

Awang Rosketina juga meminta kepada para belia supaya menghargai dan mengamalkan sikap pemeditan dan memberikan khidmat bakti kepada orang lain dalam kehidupan bermasyarakat.

Pekerja Kanan Belia dan Sukan, JBS Cawangan Daerah Belait membuat seruan tersebut pada Majlis Pelancaran Fasa II, Pelaksanaan Projek, Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-10 oleh tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong di Dewan Mini, Pusat Belia, JBS, Jalan Bungai Rambai di sini.

"Ke arah mencapai prinsip dan nilai-nilai tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui JBS akan sentiasa berusaha meneruskan pengendalian program-program kebeliaan seperti mana PBCTA dengan tujuan utama untuk memberi peluang kepada para

belia mengungkapkan kegiatan-kegiatan bersifat patriotik dan kemasyarakatan dengan cara sukarela dan cara belia itu sendiri," ungkap Awang Rosketina.

Usha sedemikian, tambah Awang Rosketina, akan memberi impak atau pun kesan patriotik yang sangat kuat dan sekali gus meningkatkan lagi semangat patriotik dalam kalangan belia serta membangun keluhuran jasmani dan rohani supaya menjadi lebih tabah serta berfikir terbuka, di samping menyemarakkan semangat setia kawan dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain.

Oleh yang demikian Awang Rosketina berharap program tersebut akan terus dapat meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan dalam kalangan para belia dan masyarakat pada umumnya.

PBCTA merupakan projek kenegaraan yang dianjurkan setiap tahun melibatkan penyertaan penuntut-penuntut sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan, perseorangan dan belia-belia perseorangan dan pada PBCTA Ke-10 ini disertai 31 belia Daerah Belait dengan pengisian aktiviti yang mereka lakukan seperti membersihkan persekitaran pusat belia; mengecat dewan mini Pusat Belia; membuat logo 'Our Youth Our Future'; membuat



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama peserta-peserta belia PBCTA Ke-10 Daerah Belait.

dekorasi dinding Pusat Belia dengan warna yang baru; lawatan dan pemantauan lokasi dan pelaksanaan projek.

PBCTA Ke-10 bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun bagi meningkatkan semangat kenegaraan dalam kalangan belia-belia hidup bermasyarakat, beragama, bernegara serta berpersatuan bagi kecergasan jasmani dan kemantapan rohani. Selain itu juga bagi menyemarakkan

semangat setia kawan, mengeratkan persaudaraan belia-belia dengan masyarakat sekeliling, tempatan dan perseorangan agar sama-sama memahami dan menangani hal ehwal belia.

Program anjuran KKBS dan dikendalikan oleh JBS Cawangan Daerah Belait mengandungi beberapa fasa. Fasa I, Kem Kenegaraan Belia yang telah diadakan di Kompleks Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara pada 29 Januari hingga 1

Februari lepas, Fasa II, Pelaksanaan Projek yang diadakan hari ini dan Fasa III, para peserta PBCTA Daerah Belait bersama peserta-peserta PBCTA seluruh negara akan menyertai Perbarisan Lalu Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 23 Februari ini serta acara sampingan, Majlis Khatam Al-Qur'an 31 Kali bagi tahun 2015 yang akan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkih pada 26 Februari ini.

Halaman Puisi ... Halaman Puisi ... Halaman Puisi ... Halaman Puisi ...

MENJADILAH ORANG YANG JUJUR

Di jalanan pelanduk sesat masuk kota melompat kijang dengan nakalnya hairan gelagatnya yang mencuit hati sampai penghujung siang ... senja dikejar dia menghilang malam mulai gulmat burung-burung terbang pulang ke sarang berkumpul mesra, anak, bapa, cucu, semua bersama seperti juga manusia

Pertemuan dalam parti ... bicara kemerdekaan dalam suasana bebas berkumpul dan bersekolong selepas memerah keringat dengan mesin pembajak dan cangkul ada juga yang INDAINDAH, dan ada juga yang bermegah, kerana berlainan pendapat berperangai iblis dan berjiwa syaitan membuat onar dan kekacauan tidak sehaluan dunia manusia itu nyata berbeza sakan perang telah terjadi, bangunan pecah dan gunung terbelah ke lembah, hancur luluh rosak segala isi di dalam kota terburai ditelan perut bumi damai untuk dianjur, lain pula bersua kebahagiaan juga tetap DIIRI tidak ada persamaan perjalanan minda lautan luas diharung, jerung pula yang terpancing harapan yang dirindui dari semangat rakyat untuk berpijak di bumi nyata apalagi yang akan dicari kini sudah merdeka

Jangan lagi ada sengketa di jiwa manusia sudah terpaut erat seperti dibelit akar, dan sejarah telah membuktikan tumpah darah dan api tentangan terus membakar ingati kembali pada mereka yang berdarah dan meratap sebab tidak mampu menang lantas terkapar lari dan berlindung di daun-daun batang-batang yang berduri, dan badai sengsara itu telah berlalu, kini rahmat datang aman dan abadi, seperti pinang pulang ke tampok sirih muleh ke gagang dulu tak punya apa-apa, kini **berADA-ADA** ada sungai, sawah, sulap-sulapan dan ada perigi yang berkelana jauh, telah pulang dari rantau membawa seribu pengertian kini sudah punya tanah dan taraf hidup lebih baik dari dulu ketika pulang seperti ribut taufan petir yang bergemuruh ayuh! Lagi buka labaran baru jangan putus asa, cari ruang untuk bertapak tuju kebaikan yang diredai Allah nikmat dari kebebasan, membawa erti tertentu

demokrasi disambut tiap tahun oleh orang yang mendemokrasikannya banyak pula yang maju dari sumber telaga bahagia mudah-mudahan demokrasi akan disenangi maknanya dan turut diwarisi anak-anak yang lahir dan membesar sama-sama berjuang di pangkuan tanah air yang merdeka

Jauhi penyelewengan dan pengkhianatan kepada negara dan ugama beriman dan bertakwa dari hati bersungguh-sungguh jangan pura-pura beriman untuk kepentingan individu, itu namanya kurafat, dan jangan kabur melihat kesenangan orang lain fikirilah kalau negeri maju dan kehidupanku berjaya aku akan tolak menjadi orang yang dipercayai aku takut, aku terpengaruh, dipengaruhi kebendaan oleh kedudukan pangkat dan harta kalau aku tidak jujur dan tidak amanah penyelewengan mungkin akan terjadi

SUMPAHANKU, aku tidak mahu makan hasil negara dan harta rakyat seluruh rakyat akan membenci dan mengutuk aku aku tidak mahu sesat dan disesatkan dunia, bukan negeriku, tempatku yang kekal dan abadi adalah akhirat sedang dosaku yang ada belum terhapus aku tidak mahu menokok dan membebarkannya lagi kupohonkan rahmat Tuhan supaya tetap beriman dan menjadi orang yang jujur dan amanah serta bertanggungjawab sebaik-baik pemimpin adalah pemimpin **NEGARA KITA** jangan lupa saranannya untuk negeri ini dijadikan Negeri Zikir

FITNAH

Inspirasi mimpi semalam Tidur di anjung rumah bersama temanita tubuh gebu terdedah, hati menjadi rimas jiwa gelisah dilamun khayal sesekali terpegang jejari yang halus mulus dan terdengar nafas mesra yang tidak lagi menjadi rahsia pemangkin kenangan abadi dalam mimpi yang mengoncang dada tapi, perangai yang gaul ini tidak mudah mengambil kesempatan kesucian didikan Islam tetap utuh di dalam hati tertanam firasat untuk menyunting si dara kami akan tetap bersama tapi takdir penentu segala dari satu sebab menjadi penyebab ketentuannya cintanya berubah kerana fitnah

dalam keinginan dan keghairahan cinta memuncak perubahan ketara yang tidak diduga datang melanda angin tiada, ribut pun tiada ia menghilang hati terus lumat belah seribu tubuh yang usang berlari anak tak tentu arah, pada siapa nak mengadu?

Dihujan senja airmata jatuh berderai Suasana dalam renyai yang sepi semangat telah terbang di awan, dan kaki seolah tidak jejak ke bumi persediaan untuk menyerahkan jiwa raga ini hancur luluh berkecai seperti debu yang berterbangan seksa yang hangus tetap membakar di dada tapi, apakan daya fitnah yang tajam sudah tertusuk di dada si dara hasutan dari seorang kawan musang berbulu ayam sia-sia usaha bersedia disangka panas sampai ke petang rupanya hujan di tengah hari bunga telur, bunga mangga, gelang kaki kelambu dan inai picit tersadai di bawah persada katil tiap kaki melangkah dan melintas terlihat seketika ... hati menjadi sebak sebal, sedih dan pedih sendiri dan menyendiri di dalam kemelut sepi inilah satu pengalaman menjadi erti dan makna makna yang mendalam luka cinta waima lupa, sepi yang menerpa sering mencengkam dan mencangkak diri cinta gagal sudah berlalu bantal berenda, sering menghantui minda dan cadar yang menghias katil di bilik ASTANA yang terancang untuk berdua menjadi raja sehari ditutup dengan kunci mangga kini diri bersendirian tanpa teman beradu diserambi selama-lamanya

Ketikaku sedar dari nyenyak rupa-rupanya satu mimpi yang dihias sekejap indah tapi ngeri dan menakutkan mudah-mudahan kejadian mimpi seperti ini tidak akan menjadi realiti hidup

BILA AKU PERNAH MENJADI MEWAH

Pernah ku lalui berharta punya wang yang banyak siapa yang tidak mahu kaya? apabila banyak harta, takut mati awal malam tidak banyak tidur tidur tak nyenyak, makan tak lena, mandi tak basah macam putus cinta menjadi kedekut, banyak helah tidak suka orang miskin

orang miskin dianggap menjadi beban bila berhutang tidak membayar berkata dan berbicara tidak betul bertindak tidak adil tamak, pembohong, penipu, dan prasangka berani curang dengan rumahtangga

Sombong macam iblis, kerana iblis asal dari api Kalau menyala ia membuhur api naik ke atas, tidak tunduk ke bawah bangga dan mengada-ngada manusia pula dari tanah tanah, bila dilambung ke atas ia jatuh ke bawah tanah boleh dipijak, merendah diri manusia yang tahu asal usulnya dari tanah ia prihatin, selalu menjadi baik bila kaya, ia tidak lupa bersedekah tidak lokek, tidak zalim, dan berlaku adil inilah manusia contoh, baik, tahu hidup untuk mati dan matinya untuk akhirat

Manusia yang rakus laut dan darat semua hendak dikuasainya hidupnya bongkak, takbur, cakupnya kasar mukanya masam melihat orang orang lain disuruhnya beriman ia sendiri Wallahuallah

IA KAH SEORANG PEMIMPIN?

Di suatu senja seorang sedang tua sambil bercerita ada pemimpin duduk di warung menghafal surah-surah bibirnya kumat-kamit berkira-kira dengan tasbih duduk di kerusi usang bersama beberapa orang lain berlainan duduk betapa **KEBANYAKANNYA** ia seorang disisinya berkata dari jarak dekat banyak surah-surah dibacanya, dan beramah mesra, ringan mulut, peramah dalam ruang harmoni bertata-tutur bahasa tapi, hanya selang sekadar beberapa ketika ia permissi, lalu dengan santun wajahnya tenang senyum menguntum bermisai dan berjanggut rapi berkaca mata putih, kehebatan raut wajahnya segalanya *package* atau lengkap ia sungguh hebat dan boleh dipersilakan ke tengah majlis adat beradat ia layak di pisuk-pisuk

Pastikah ia orang kebanyakan? atau jelmaan malaikat lihat dalam anjakan beberapa tahun di pejabat, di mana saja lokasi profesinya perkembangan sumbangan dari kerjaya dalam kemajuan kota dan desa baharulah kita dapat mengenalnya ia siapa

Haji Mat Noor Matussin @ Sagap

NASIONAL



PARA pegawai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa menyoal siasat pesalah imigresen.

MUKIM SENKURONG, Isnin, 2 Februari. - Operasi CEKUP Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah berjaya menangkap seramai 11 orang warganegara asing.

Menurut Siaran Akhbar JIPK, lima orang daripadanya adalah perempuan telah pun dibawa ke Bahagian Penguatkuasa bagi siasatan lanjut kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen

Operasi CEKUP tangkap pesalah imigresen

yang masih sah.

Manakala itu, 11 keping pas khas telah pun dikeluarkan kepada 11 orang warga asing, passport dan kad pengenalan sementara mereka ditahan bagi siasatan lanjut dan tiga surat panggilan dikeluarkan kepada tiga majikan bagi membantu siasatan.

Semasa serbuan mengejut tersebut, JIPK berjaya menangkap dua orang lelaki warganegara asing yang telah pun mansuh pas imigresen di kedua-dua bilik sewa yang berasingan bilik sewa di Mukim Sengkurong, seorang daripadanya pas melawat telah pun mansuh sejak 2 September 2012, manakala seorang lagi pas melawat terhad telah pun didapati mansuh sejak 30 Julai 2014.

Manakala itu, pegawai bertugas mendapati cap melawat terhad yang diberikan oleh pegawai bertugas di dalam passport berkenaan dipercayai telah pun diubah pada bahagian tarikh mansuhnya.

Sementara itu, seorang perempuan warganegara asing juga telah pun dapat diberkas

di salah sebuah pondok pekerja kebun di Mukim Pengkalan Batu.

Perempuan terbabit sebelum ini pernah ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Agama pada tahun 2012 dan kesnya telah pun selesai dan diarahkan keluar dari negara ini, akan tetapi perempuan terbabit gagal untuk berbuat demikian menyebabkan cap diarahkan keluar telah pun mansuh sejak 23 Januari 2014.

Manakala itu, pada pemeriksaan mengejut yang dilakukan ke atas sebuah rumah sewa yang dijadikan tempat mengendalikan catering dan juga tempat tinggal pekerja di Mukim Berakas, JIPK telah mendapati 10 orang warganegara asing lelaki dan perempuan menyalahgunakan pas imigresen dan dipercayai diambil untuk bekerja secara sambilan.

Pegawai bertugas telah pun membuat catatan serta menahan passport dan kad pengenalan sementara bagi siasatan lanjut serta memberikan surat panggilan kepada pihak majikan untuk membantu siasatan.

Raih pengalaman dua pelari veteran dunia

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Isnin, 2 Februari. - Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menjemput pemegang rekod dunia dan pelari veteran, Janette Murray dan suaminya, Alan Murray ke Daerah Tutong untuk

menyampaikan taklimat kesihatan kepada masyarakat di daerah tersebut. Taklimat yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan dianjurkan oleh Raw Food Asia.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) daerah tersebut; pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai dari Raw Food Asia dan penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah daerah ini serta peserta Program Sukarelawan Daerah Tutong. Terdahulu Pegawai Daerah Tutong dalam ucapan alu-aluannya



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali bersama pemegang rekod dunia dan pelari Veteran Janette Murray dan suaminya, Alan Murray pada Taklimat Kesihatan yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong.

menjelaskan, taklimat tersebut adalah untuk mengalu-alukan kedua-dua selebriti dari Australia, yang mana Janette Murray dan Alan Murray merupakan pelari Australia dan telah menjelajahi dunia melalui larian mereka.

Taklimat tersebut, tambahnya, akan memperdengarkan pengalaman-pengalaman yang mereka alami untuk dimanfaatkan sebagai ilmu pengetahuan.

Ja juga jelasnya adalah untuk memberikan semua yang hadir satu inspirasi baru, cara bagaimana untuk hidup secara lebih sihat, selain untuk membantu menangani masalah-masalah kesihatan yang dihadapi.

Mereka ini juga jelasnya merupakan pelari dalam kategori warga emas yang mempunyai cerita kehidupan mereka yang tersendiri dan ingin dikongsikan dalam taklimat tersebut dan berharap akan beroleh manfaat daripada cerita kehidupan yang mereka alami.

Alan dan Janette telah secara kolektif berlari lebih 60 maraton

antarabangsa dan ultra-maraton dan telah berlari di seluruh keluasan New Zealand, yang meliputi 2,182 kilometer, berlari 50 maraton dalam 50 hari berturut-turut.

Janette telah disahkan menghidap kanser payudara dengan prognosis diberikan pada enam bulan untuk hidup.

Sehubungan dengan itu, beliau telah membuat pilihan untuk mengikuti diet makanan semula jadi bersama dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan kemudian telah pulih sepenuhnya daripada menghidapi penyakit kanser tersebut.

Dengan pengalaman itu beliau dan suaminya kemudian menunjukkan kepada dunia dan memecahkan rekod dunia, yang mana mereka berlari sejauh 15.782 kilometer di seluruh Australia dalam 366 hari berturut-turut dan berjaya menamatkan maraton dalam sehari.

Apa yang paling menakjubkan ialah mereka merupakan pelari yang berusia veteran, yang mana Janette berusia 66 tahun dan Alan, 70.



TAKLIMAT Kesihatan turut dihadiri oleh penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah di Daerah Tutong serta peserta Program Sukarelawan daerah tersebut.

PBCTA laksanakan aktiviti kemasyarakatan

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan Jabatan Belia dan Sukan Daerah Belait

KUALA BELAIT, Selasa, 3 Februari. - Peserta Program Belia Cinta Tanahair (PBCTA) Ke-10 Tahun 2015 bagi Daerah Belait telah melakukan kerja-kerja membersihkan kawasan bangunan Mini Pusat Belia di Jalan Bunga Rambai, di sini.

Kerja-kerja membersihkan kawasan merupakan salah satu Program Pelaksanaan Projek Fasa Kedua PBCTA Ke-10 yang disertai lebih 30 belia Daerah Belait.

Program berkenaan adalah hasil cadangan dan ilham daripada para peserta dan telah dibentangkan pada acara Pembentangan Kertas Kerja di Kompleks Sukan Sungai Kebun Ahad lalu.

Mentor Pelaksanaan Projek PBCTA 10, Awang Gaung Jamit menyatakan, Program Projek Pelaksanaan diadakan di keempat-empat daerah dengan projek dan tarikh yang berbeza bagi setiap daerah.

Awang Gaung menambah Program tersebut merupakan kesinambungan Fasa 1 PBCTA Tahun 2015, iaitu Kem Kenegaraan yang telah berlangsung selama empat hari tiga malam bermula 29 Januari hingga 1 Februari lalu bertempat di Kompleks Sukan Sungai Kebun, Mukim Lumapas.

Katanya, Pelancaran bagi Program Pelaksanaan Projek bagi Daerah Belait akan diadakan pada Khamis, 5 Februari ini di Dewan Mini Pusat Belia.

Awang Gaung menyatakan, Fasa

Kedua PBCTA 10 antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada para belia untuk lebih terbuka dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan patriotik dengan cara dan gaya belia itu sendiri dengan bertemakan kenegaraan dan kemasyarakatan. Selain itu ia juga berperanan dalam memupuk semangat kenegaraan dan kemasyarakatan belia serta menyemai rasa tanggungjawab mereka dalam mengendalikan projek.

Melalui program tersebut, setiap daerah akan diwakili oleh satu kumpulan dan akan melaksanakan projek di daerah masing-masing dan setiap kumpulan diberikan maksimum sejumlah BND1,000 bagi pelaksanaan projek dan pelaksanaan projek berkenaan akan dilakukan mengikut kumpulan yang telah ditetapkan.

PBCTA Ke-10 telah diadakan bermula 29 Januari hingga 28 Februari ini bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun pada 23 Februari ini.

Program telah dibahagikan kepada

tiga fasa; pertama Kem Kenegaraan Belia yang telah berlangsung pada 29 Januari lalu, fasa kedua Pelaksanaan Projek Daerah Belait pada 5 Februari, bagi Daerah Tutong pada 8 Februari, Temburong pada 13 Februari dan Daerah Brunei Muara pada 16 Februari.

Acara sampingan juga turut mengisikan PBCTA dengan mengadakan Majlis Khatam 31 Kali Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-31 disertai oleh 124 Peserta PBCTA Ke-10 serta acara sampingan lain, iaitu Malam Penghargaan PBCTA yang akan melibatkan kesemua peserta

program itu tahun ini.

PBCTA anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan belia dan masyarakat, meningkatkan nilai-nilai hidup bermasyarakat, beragama, bernegara serta berpersatuan, sebagai satu mekanisme bagi merealisasikan cita-cita para belia dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan yang bersifat patriotik dan memberikan peluang kepada para belia mengunggulkan kegiatan patriotik dengan sukarela dan cara mereka tersendiri.



PESERTA-PESERTA Belia PBCTA Ke-10 Daerah Belait sedang melaksanakan Program Pelaksanaan Projek dengan membersihkan kawasan bangunan Mini Pusat Belia, di Jalan Bunga Rambai, Kuala Belait.



IPC bincang keselamatan maritim dan memerangi keganasan



PERWAKILAN Mesyuarat Perancangan Awal (IPC) bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) mengenai Latihan Keselamatan Maritim dan Memerangi Keganasan (MS & CT) bergambar ramai.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 3 Februari. - Mesyuarat Perancangan Awal (IPC) bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus) mengenai Latihan Keselamatan Maritim dan Memerangi Keganasan

(MS & CT) bermula hari ini di Hotel Centrepoint, Gadong. Latihan berkenaan dijadualkan akan diadakan pada Mei 2016.

IPC telah dipengerusikan bersama oleh Kolonel (U) Haji Hamzah bin Haji Sahat, Angkatan Bersama,

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), dan Brigadier Jeneral Tan Kok Ming Desmond, Pengarah Operasi Bersama, Angkatan Bersenjata Singapura.

Mesyuarat dihadiri oleh wakil-wakil dari negara anggota ADMM-Plus termasuk Sekretariat ASEAN.

Pada mesyuarat tersebut para peserta telah diberi taklimat mengenai gambaran umum latihan serta urutan acara di Negara Brunei Darussalam

dan Singapura, selain membincangkan struktur organisasi latihan dan amalan logistik yang lain serta perkara-perkara pentadbiran.

Terdahulu, sebelum mesyuarat ini ABDB dan Angkatan Bersenjata Singapura telah mengadakan mesyuarat dua hala pada 2 Februari 2015, di samping Mesyuarat Jawatankuasa Pandu antara Pengerusi Bersama Kumpulan Kerja Pakar (EWG) ke atas Keselamatan Maritim dan EWG bagi memerangi Keganasan, terdiri dari Negara Brunei Darussalam, New Zealand, Singapura dan Australia.

Pelan tindakan untuk pengendalian

ADMM-Plus mengenai Latihan MS & CT ini telah disahkan pada Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSOM) dan Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertahanan ASEAN-Plus (ADSOM-Plus) di Nay Pyi Daw, Myanmar pada bulan April 2014 dan seterusnya pada ADMM di Nay Pyi Daw, Mei 2014.

IPC adalah satu proses yang bernilai dan demonstrasi yang jelas ke arah sokongan padu dan komitmen daripada mekanisme ADMM-Plus sebagai platform utama di rantau ini untuk kerjasama praktikal yang kukuh.

Pelajar terjejas akibat kebakaran menerima bantuan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 3 Februari. - Kebakaran yang melibatkan empat buah rumah di Kampung Setia 'B' pada 28 Januari lalu, turut menjejaskan beberapa orang pelajar prasekolah hingga ke Tahun 10 yang menuntut di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al Khattab, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil dan Sekolah Rendah Lumapas.

Sebagai tanda keprihatinan dan rasa simpati, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan telah menyampaikan sumbangan bantuan kepada sembilan pelajar yang rumah mereka terlibat dalam kebakaran di kampung berkenaan.

Sumbangan ini juga dihasratkan dapat membantu menampung keperluan pelajar agar tidak menjejaskan persekolahan mereka khususnya dalam tempoh yang sukar ini.

Setiap pelajar menerima sumbangan berbentuk pakaian, peralatan sekolah dan kebersihan diri.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, di JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan hadir menyampaikan sumbangan berkenaan pada majlis yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, di Kampung Kasat.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat berkesempatan memberikan ucapan kepada pelajar dan ibu-bapa mereka yang antara lain menekankan, kehadiran pelajar ke sekolah amat diambil berat dan berharap para ibu-bapa juga bersama-sama memastikan anak-anak mereka hadir ke sekolah agar mereka dapat mengikuti setiap pelajaran di dalam kelas sebagai menyokong dan merealisasikan Wawasan Negara



DUA orang murid menerima sumbangan dari Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, di JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (atas dan bawah).



2035 yang antara lain berpendidikan dan berkemahiran mengaspirasikan rakyat yang tinggi.

IHP Disember 2014 meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Februari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2014 meningkat 1.6 peratus berbanding November 2014.

Peningkatan sebanyak 7.4 peratus telah dicatatkan bagi Pengangkutan disebabkan oleh kos yang tinggi bagi perkhidmatan pengangkutan melalui udara.

Rekreasi dan Kebudayaan meningkat sebanyak 2.0 peratus disebabkan oleh peningkatan harga bagi majalah dan bahan bacaan lain serta pakej percutian dan umrah.

Pakaian dan Kasut juga meningkat disebabkan oleh peningkatan harga bagi fabrik kain, beberapa pakaian dan baju serta lain-lain keperluan bagi pakaian.

Sementara itu, Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus disebabkan oleh kos yang rendah bagi tekstil isi rumah, peralatan rumah serta barangan kaca, pinggan mangkuk dan kelengkapan isi rumah.

Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan juga menurun sebanyak 0.1 peratus disebabkan kos yang rendah bagi barangan dan beg perjalanan.

Restoran dan Hotel juga turun kurang dari 0.05 peratus disebabkan oleh penurunan harga bagi beberapa hidangan terpilih di restoran dan kafe.

Terdapat peningkatan 1.2 peratus bagi IHP Disember 2014 berbanding Disember 2013 yang sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan indeks Pengangkutan; Pakaian dan Kasut; dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan.

IHP purata bagi tahun 2014 adalah 100.4 berbanding 100.6 pada tahun 2013. Ia menyumbang kepada penurunan kadar inflasi sebanyak 0.2 peratus dalam jangka masa 12 bulan (Januari hingga Disember) pada tahun 2014. Ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan pada indeks Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah; Rekreasi dan Kebudayaan; Pakaian dan Kasut; Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Bakar Lain; dan Makanan dan Minuman Ringan.

IHP adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahun 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



FASILITATOR jemputan, Profesor Feqh di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Profesor Dato Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid menyampaikan taklimatnya kepada peserta kursus.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara tahun ini akan melaksanakan empat projek perancangan.

Pemangku Ketua Pendaftar, Mahkamah Rayuan Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali berkata, projek-projek tersebut termasuk projek pembelian buku-buku bagi

perpustakaan, projek e-syariah, rancangan penambahan bilangan jawatan penting dalam mahkamah dan kursus-kursus dan penempatan kerja.

"Keempat-empat projek utama ini insyaaAllah akan dilaksanakan sepenuhnya bagi mencapai apa yang telah dirancang bagi keseluruhan tempoh lima tahun tersebut. Sebahagian projek yang

Mahkamah-Mahkamah Syariah melaksanakan empat projek utama

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

diangkayahkan ini memerlukan komitmen padu dari semua warga pegawai dan kakitangan Mahkamah-Mahkamah Syariah untuk melaksanakannya terutama projek e-syariah yang melibatkan penyertaan penuh pegawai dan kakitangan termasuk penyertaan bagi latihan dan praktikal," ujarnya.

Berucap pada pembukaan Kursus Ulang Kaji Fiqh Syariah (Sesi Pertama), Awang Haji Hassan dalam alu-aluannya berkata, projek-projek tersebut termasuk dalam perancangan lima tahun Mahkamah-Mahkamah Syariah yang bermula pada tahun 2013 hingga 2017.

Kursus yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-

Mahkamah Syariah ini disertai oleh 40 orang peserta terdiri daripada Hakim-Hakim Syarie, pendaftar-pendaftar dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah.

Juga hadir mengikuti kursus tersebut ialah Pemangku Ketua Hakim Syarie, Yang Arif / Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Awang Haji Besar.

Kursus empat hari yang bermula 2 hingga 5 Februari itu dikendalikan oleh seorang fasilitator jemputan yang mempunyai kepakaran berkaitan dalam bidang fiqh jenayah syariah, iaitu Profesor Feqh di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Kuala Lumpur, Yang Berbahagia Profesor

Dato Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Abdul Majid.

Antara tujuan dan objektif kursus adalah untuk memberikan kefahaman yang mendalam dalam memahami konsep-konsep hukum syarak daripada sumbernya yang asal, di samping memahami prinsip-prinsip undang-undang jenayah Islam yang diguna pakai dalam Perintah kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Kursus diharap akan dapat mempertingkatkan dan memantapkan para peserta dengan pengetahuan mengenai aspek praktikal undang-undang jenayah dan aplikasi prinsip-prinsipnya bagi meningkatkan lagi mutu penghakiman dan pengadilan di Mahkamah Syariah.

Sesi Kedua Kursus Fiqh Syariah dijangka akan diadakan pada bulan April, diikuti dengan sesi ketiga pada bulan September tahun ini.

Menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 3 Februari. - Seperti lazimnya sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam akan disemarakkan dengan pelbagai acara keraian dan bercorak keagamaan, antaranya majlis khatam Al-Qur'an.

Sehubungan itu bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-31 tahun ini akan diadakan Majlis Khatam Al-Qur'an 31 Kali.

Sebelum berlangsungnya majlis khatam tersebut, para peserta telah mengadakan majlis tasmiiq di seluruh negara mengikut tarikh yang telah

ditetapkan dan bagi para peserta di daerah ini bacaan tasmiiq diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Seramai 186 orang peserta menyertai Majlis Tasmiiq Khatam Al-Qur'an 31 Kali Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 dengan membaca Surah Al Furqan daripada ayat 1 hingga ayat 20.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Abdullah bin Namit yang juga

mengetuai bacaan Surah Al Faatihah.

Majlis anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup.

Selain itu majlis juga adalah untuk meningkat dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia, di samping menggalakkan belia dalam aktiviti keagamaan.



KETUA Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Abdullah bin Namit hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tasmiiq Khatam Al-Qur'an 31 Kali Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 bagi Daerah Temburong.

Tingkat mutu pembacaan Al-Qur'an

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

MADANG, Isnin, 2 Februari. - Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memberikan pendedahan dan galakan dalam meningkatkan mutu pembacaan qari dan qariah, di samping membuka minda dan minat masyarakat dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan bersistematik.

Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi telah menyaksikan seramai 22 peserta yang telah memperdengarkan bacaan mereka di Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.

Ia akan diteruskan selama empat

hari berturut-turut yang mana seramai 78 orang telah berjaya terpilih ke peringkat suku akhir kebangsaan.

Daripada jumlah itu, seramai 59 qari dan 19 qariah, yang mana seramai 39 peserta (31 qari dan lapan qariah) yang terpilih adalah peserta dari Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Zon Masjid, sementara 39 qari dan qariah yang lain adalah para peserta dari Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M.

Hanya peserta yang memperolehi markah 80 peratus ke atas sahaja yang akan dipilih untuk bertanding ke peringkat separuh akhir kebangsaan nanti.

Sementara itu, Majlis Pengumuman



PESERTA qari yang menyertai Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi, Awang Muhammad Abdullislam bin Haji Jahari.

Keputusan dan Penyampaian Cenderamata Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan Tahun 1436H / 2015M diadakan pada hari Khamis, 5 Februari 2015 yang lalu.

Sesi taklimat bagi guru-guru agama Daerah Temburong



KETUA Nazir Daerah Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim semasa menyampaikan taklimat kepada guru-guru agama.

PEKAN BANGAR, Isnin, 2 Februari. - Seramai 22 guru di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam (JPI), menghadiri Sesi Taklimat yang berlangsung di bilik taklimat Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Temburong.

Sesi taklimat yang disampaikan oleh Ketua Nazir Daerah Temburong, Dayang Hajah Barizah binti Haji Ibrahim antara lain bertujuan untuk menjelaskan beberapa aspek contoh pengajaran yang baik sebagai satu etika kerjaya yang terpuji.

Turut hadir ialah Ketua Bahagian Kenaziran JPI, Hasbi Mohd. Suhaily; Ketua Unit IRK, Dayang Hajah Salamah binti Haji Ahmad, nazir-nazir IRK dan berapa orang pegawai dari Pejabat JPI Temburong.

Para peserta yang hadir terdiri daripada guru-guru IRK dari Daerah Temburong.

Sesi soal jawab dibukakan pada akhir taklimat.



ANTARA penuntut yang hadir menyaksikan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Suku Akhir Kebangsaan Tahun 1436H / 2015M.

Kursus Lanjutan Pendidikan Kerjaya 2015 suntik kesedaran

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Kursus Lanjutan Pendidikan Kerjaya 2015 menyuntik pengetahuan tentang kesedaran mengenai diri, ekonomi, pendidikan, kerjaya dan pengambilan keputusan yang tepat.

Di samping itu, ia merupakan peluang untuk menyediakan kemahiran lanjutan tentang kemahiran pendidikan kerjaya kepada para guru kerjaya agar mereka dapat mengaplikasikan kemahiran itu di sekolah, maktab dan institusi masing-masing.

Lebih 30 peserta terdiri daripada guru-guru kerjaya sekolah menengah, maktab kerajaan, swasta, Pusat Tingkatan Enam (PTE), sekolah teknikal dan vokasional serta sekolah pengajian Islam mengikuti kursus berkenaan di Kondominium Ong Sium Ping.

Matlamat kursus itu adalah untuk memberi pengetahuan yang terkini kepada para guru kerjaya dan seterusnya mengaplikasikan maklumat yang dipelajari dalam kursus berkenaan bagi membantu pelajar-pelajar khususnya mereka yang bakal menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah.

Ia juga untuk membantu para pelajar memilih subjek / kursus / program di peringkat kolej, PTE serta institusi pendidikan bagi melahirkan generasi belia yang lebih berkualiti dari segi kemahiran dengan mengguna pakai potensi dan kekuatan yang ada pada diri seseorang.

Semasa kursus, para peserta juga berkesempatan mendengar taklimat mengenai Struktur Organisasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Pelajaran Kanan,

Bahagian Kaunseling dan Kerjaya (BKK), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Awang Haji Saili bin Haji Chuchu.

Beliau antara lain menyentuh mengenai sejarah BKK yang mula ditubuhkan di bawah Unit Dermasiswa dan Kesejahteraan pada 1983 dan sehingga tahun 2013, Kursus Diploma in Counseling ditawarkan di Universiti Brunei Darussalam.

Beliau juga menghuraikan mengenai pengenalan fungsi dan peranan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, selain visinya 'Bersama menaani kecemerlangan generasi baru', manakala misinya ialah 'Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang holistik'.

Antara pengisian kursus selama lima hari yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Kerjaya, BKK, JSS itu termasuk Kaunseling Kerjaya, Kemahiran Kaunseling Kerjaya, Kerjaya menurut Perspektif Islam, Langkah-langkah Praktikal dalam Memilih Pendidikan Kerjaya dan Cara membuat CV atau *resume*.



PEMANGKU Pegawai Pelajaran Kanan, Bahagian Kaunseling dan Kerjaya (BKK), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Awang Haji Saili bin Haji Chuchu ketika memberikan taklimat kepada peserta Kursus Lanjutan Pendidikan Kerjaya 2015.

Amalan institusi kewangan Islam dibincangkan



PROFESOR Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Mahmood Mohamed Sanusi semasa menyampaikan ceramahnya di Dewan Jubilee UNISSA, Gadong.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Pengenalan institusi kewangan Islam, isu dan kelemahan yang sering dibangkitkan oleh pengguna mengenai produk-produk perbankan Islam merupakan antara isu yang disentuh dalam Ceramah Umum Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan di Dewan Jubilee UNISSA, Gadong, di sini.

Ceramah Umum yang bertajuk 'Adakah Pelanggan Institusi Kewangan Islam Memerlukan Perlindungan Pengguna?' (Does the Islamic Financial Institutions Customer Need Consumer Protections?) disampaikan oleh Profesor Fakulti Perniagaan dan Sains

Pengurusan UNISSA, Profesor Dr. Mahmood Mohamed Sanusi.

Objektif utama ceramah tersebut adalah untuk memfokuskan dan membincangkan mengenai amalan institusi kewangan Islam ke arah pelanggan mereka dan merupakan kendalian Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA tersebut.

Selain itu ia juga bertujuan untuk memfokuskan dan membincangkan tahap sebenar kontrak dan dokumen undang-undang yang seharusnya mengikut amalan dan hukum syariah supaya syarat-syarat kontrak dan harga akan berlaku adil dan saksama kepada pelanggan.



SEBAHAGIAN daripada peserta ketika mendengarkan ceramah umum UNISSA yang disampaikan oleh Profesor Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan UNISSA, Profesor Dr. Mahmood Mohamed Sanusi.

Hadir sama pada Ceramah Umum tersebut ialah Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Dr. Fadziwati binti Haji Mohiddin. Ceramah Umum turut disertai oleh

mahasiswa dan mahasiswi UNISSA serta universiti-universiti dan maktab-maktab lain, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA, pihak-pihak bank serta orang awam.

Tanai tanggungjawab kebersihan



PEGAWAI dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan bersama-sama membersihkan kawasan persekitaran di Jalan Maharaja Anakda, Jalan Bendahari, Jalan Puteri Brunei dan Jalan Maharaja Lela, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Sabtu, 31 Januari. - Kebersihan membawa kesempurnaan hidup kepada semua orang, oleh itu telah menjadi tanggungjawab setiap orang menjaga kebersihan rumah

dan halaman, kawasan-kawasan perumahan, tempat-tempat kerja dan awam.

Keadaan yang bersih bukan sahaja sedap mata memandang bahkan juga

memberi keselesaan dan menjauhi sebarang penyakit berjangkit.

Ke arah itu, jawatankuasa kerja menangani isu-isu kebersihan peringkat Daerah Belait telah mengadakan usaha pembersihan bersepadu bagi kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di Daerah Belait meliputi kawasan Taman Persiaran Cendera Kenangan, kawasan Tamu Tudung Saji dan kawasan-kawasan berhampiran dengannya seperti Jalan Maharaja Anakda, Jalan Bendahari, Jalan Puteri Brunei dan Jalan Maharaja Lela.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman hadir menyertai usaha pembersihan kali pertama bersama-sama agensi kerajaan, pemilik premis-premis perniagaan / bangunan-bangunan, pekerja syarikat-syarikat swasta dan penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan berkenaan serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs) di Daerah Belait.

Usaha pembersihan bersepadu seumpama ini akan dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun ini yang dijangka akan dilartakan ke kawasan-kawasan atau zon-zon yang sudah dan yang akan dikenal pasti sama ada di dalam mahupun di luar bandar termasuklah kawasan-kawasan mukim, kampung dan rumah-rumah panjang, kawasan tamu, perniagaan dan perumahan, jalan-jalan raya dan seumpamanya.

Usaha pembersihan bersepadu ini



SYARIKAT-SYARIKAT dan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs) turut menyertai usaha pembersihan bersepadu kali pertama yang dilaksanakan.

diharap akan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat, pihak-pihak berkepentingan yang menjalankan perniagaan, bekerja atau tinggal menetap di kawasan-kawasan tersebut serta rakyat dan penduduk di Daerah Belait pada keseluruhannya akan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan masing-masing dan

seterusnya menerapkan setiap masa budaya amalan dan sikap pembersih dalam kalangan mereka.

Menerusi usaha pembersihan bersepadu ini juga akan menjadikan keadaan atau suasana Daerah Belait lebih bersih, indah, ceria dan bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk.

Amalan zikir dapat ganjaran

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Bagi menanamkan rasa cinta dan kasih sayang kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pusat Bahagia Daerah Brunei dan Muara mengadakan Sambutan Maulidur

Rasul 1436 Hijriah / 2015 Masihi di Dewan Darul Imtiyaz, pusat berkenaan, di sini. Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Dayangku Siti Saihalina

binti Pengiran Haji Md. Daud dan Yang Di-Pertua Persatuan BASMIDA (Persatuan Basmi Dadah), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

Tujuan majlis adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping untuk mengetahui tentang sejarah kehidupan Baginda.



PEMANGKU Penolong Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, Dayangku Siti Saihalina binti Pengiran Haji Md. Daud dan Yang Di-Pertua Persatuan BASMIDA (Persatuan Basmi Dadah), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali semasa hadir pada majlis tersebut.

Pada majlis tersebut dimuatkan dengan sesi ceramah bertajuk 'Bagaimana Kita Mencintai Rasulullah' disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOASCIS), Universiti Brunei Darussalam, Awang Haji Muhammad Nazif bin Haji Awang Damit.

Beliau antara lain mengingatkan bagi sesiapa yang sentiasa mengikuti atau mengamalkan zikir-zikir dan tazkirah akan diberikan ganjaran yang mana Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan mereka satu jalan kemudahan untuk menuju ke Syurga.

Terdahulu majlis itu diserikan dengan persembahan Nasyid bertajuk 'Dia Kekasih Allah' dari Pusat Bahagia Brunei dan Muara dan disusuli dengan persembahan Tausyeh bertajuk 'Sholatul Alhamdulillah dan Ya Ha Na Na' oleh Persatuan BASMIDA.

Majlis merupakan aktiviti tahunan Pusat Bahagia Brunei dan Muara yang bertujuan untuk memberi pengetahuan dan mendidik murid-murid di pusat tersebut selain supaya mereka sentiasa mengamalkan serta mempraktikkan sunnah-sunnah Rasulullah setiap hari.



SEBAHAGIAN daripada persembahan pada Sambutan Maulidur Rasul 1436 Hijriah / 2015 Masihi di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara.

PBCTA platform khidmat kepada negara



PROGRAM Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-10, 2015 Fasa 1 : Kem Kenegaraan Belia turut dimuatkan dengan sesi pembentangan projek kenegaraan dari setiap daerah.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

MUKIM SUNGAI KEBUN, Ahad, 1 Februari. - Belia diseru untuk taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, setia kepada raja dan cinta kepada negara dan semangat cintakan negara itu amat dituntut dalam Islam.

Daripada itu, belia juga diharap menghargai dan mengamalkan sikap pemedulian dan memberikan khidmat bakti kepada orang lain dalam kehidupan bermasyarakat.

Seramai 123 belia daripada keempat-empat buah daerah yang menyertai Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) Ke-10, 2015 Fasa 1 : Kem Kenegaraan Belia di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Majlis penutup telah dihadiri oleh Pemangku Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman.

Sepanjang program para peserta

menghadiri pembentangan projek kenegaraan daripada setiap daerah dan disusuli dengan persembahan lagu patriotik 'Sumpah Belia' oleh para



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menyertai PBCTA Ke-10, 2015 Fasa 1 : Kem Kenegaraan Belia.

peserta PBCTA dari keempat-empat daerah.

PBCTA Fasa 1 itu merupakan sebagai satu platform persediaan bagi para belia daripada segi fizikal dan mental sebelum melaksanakan kegiatan-kegiatan patriotik dan khidmat kepada negara dan masyarakat.

Program tersebut adalah untuk memberi peluang kepada para belia dalam mengemukakan kegiatan-kegiatan bersifat patriotik dan kemasyarakatan dengan cara sukarela dan cara belia itu tersendiri.

PBCTA anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga bertujuan untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan kekitaan dalam kalangan belia dan masyarakat.

Program berkenaan akan dapat diteruskan dengan lebih ramai lagi para belia yang berjiwa patriotik, cinta kepada negara, berwawasan, menghargai keperibadian bangsa sama ada melalui penglibatan sebagai peserta mahupun ahli jawatankuasa kerja dan sukarela dalam memberi arah pembangunan serta bangsa menjadi rakyat Negara Brunei Darussalam.



ANTARA yang hadir bagi sama-sama menyerikan suasana Sambutan Maulidur Rasul 1436 Hijriah / 2015 Masihi di Dewan Darul Imtiyaz, Pusat Bahagia Brunei dan Muara.

Mahasiswa-mahasiswa KUPU SB lakukan kerja amal

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Februari. - Sebagai satu persiapan bagi mahasiswa dan mahasiswi yang menerima pendidikan perguruan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Mereka didedahkan dengan Program Ikatan Kasih yang merupakan khidmat masyarakat yang memfokuskan kepada sumbangan berbentuk kerja amal bagi membantu warga masyarakat yang sangat memerlukan.

Program ini dilaksanakan sebagai pendedahan kepada membina satu pengalaman yang lebih mencabar, praktikal dan memberi banyak manfaat dalam menambahkan maklumat dan pengetahuan bagi mahasiswa / mahasiswi KUPU SB.

Menurut Siaran Akhbar KUPU SB, pada 30 Januari baru lalu pelajar SMPU 14 kumpulan 3 bergabung dengan Majlis Kesejahteraan Masyarakat di bawah (JAPEM) telah membuat kerja amal bagi Dayang Rosidah binti Dullah di Kampung Wasan, Jalan Batang Mitus.

Seramai 30 mahasiswa / mahasiswi telah terlibat dalam melaksanakan program itu yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Perguruan Ugama Usuluddin Sesi 2014 / 2015 KUPU SB khasnya dan Mahasiswa dan Mahasiswi KUPU SB Kumpulan 3 di dalam Kursus IT 1106 Ko-kurikulum II (sukarelawan).

Program ini diharap dapat dijalankan dengan lancar serta mencapai objektifnya.

Komitmen yang padu daripada semua ahli jawatankuasa adalah diharapkan dan ia dapat memberikan pendedahan kepada satu bentuk pendidikan di luar kampus terutama dalam kalangan pelajar-pelajar yang akan menjadi guru dan berperanan dalam masyarakat di mana saja mereka berada.

Pupuk belia menghayati Al-Qur'an



MAJLIS Khatam Al-Qur'an 31 Kali Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun 2015 bertujuan menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dengan pengisian-pengisian bermanfaat terutama pembacaan Al-Qur'an dan juga selaras dengan hasrat menjadikan Negara Zikir.

TUTONG, Sabtu, 31 Januari. - Kebangsaan Negara Brunei Seramai 186 pelajar menengah bawah menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an 31 Kali Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015 yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Othman

Majlis khatam itu adalah untuk menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dengan pengisian-pengisian bermanfaat terutama pembacaan Al-Qur'an dan juga selaras dengan hasrat menjadikan Negara Zikir.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Terdahulu, majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Yusuf dari ayat 53 hingga ayat 96 oleh penuntut dari Sekolah Menengah (SM) Sufri Bolkiah, SM Muda Hashim, SM Tanjong Maya, SM Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat Tingkatan Enam.

Kemudiannya majlis disusuli dengan bacaan doa selamat dan doa kesyukuran oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd.

Yusuf yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama majlis berkenaan bagi peringkat Daerah Tutong.

Majlis bertujuan untuk meningkatkan kefahaman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup, di samping itu untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensinya yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia.

Majlis Khatam Al-Qur'an 31 Kali ini juga merupakan salah satu projek anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sempena sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015.

Majlis tersebut merupakan kali kedua diadakan yang melibatkan banyak pihak termasuklah agensi-agensinya kerajaan, persatuan-persatuan belia, sekolah-sekolah, bekas peserta Khidmat Bakti Negara, badan sukarelawan, orang-orang perseorangan dan tidak ketinggalan

juga golongan belia sendiri.

Penganjuran majlis seumpamanya ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

Dalam kesempatan ini, PELITA BRUNEI sempat menemui bual bersama Penolong Pekerja Kanan Belia dan Sukan, JBS, Bahagian Belia Cawangan Tutong, Dayang Norainah binti Haji Abdul Hadi yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama majlis berkenaan peringkat Daerah Tutong mengenai format Majlis Khatam Al-Qur'an 31 Kali ini.

Jelasnya, semua keempat-empat daerah ikut dalam pembacaan Al-Qur'an ini dan format membaca juz Al-Qur'an adalah sebanyak enam juz sahaja bagi setiap Daerah Tutong, Belait dan Daerah Temburong, manakala selebih juz yang lain akan dibaca oleh belia dan penuntut Daerah Brunei dan Muara.

Tambahnya, acara kemuncak bagi Majlis Khatam ini akan diadakan pada 26 Februari 2015 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Wanita berbangsa Iban pilih Islam



MAJLIS Pengislaman Widywanisa anak Adin yang kini dikenali sebagai Dayang Nur Amani Sholehah binti Abdullah Adin.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Jumaat, 30 Januari. - Seorang wanita berbangsa Iban yang merupakan penganut agama Kristian telah menerima hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk memilih agama Islam sebagai pegangan baru hidupnya.

Majlis Pengislaman bagi Widywanisa anak Adin itu diadakan di kediaman Ketua Kampung Batang Tuau, Awang Jainih @ Zaini bin Haji Md. Tahir, di Kampung Batang Tuau, Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Dengan lafaz ikrar memeluk agama Islam di hadapan pegawai dari Unit Dakwah Daerah Temburong itu, Widywanisa yang bertugas di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) (Bahagian Pos Kawalan) kini dikenali sebagai Dayang Nur Amani Sholehah binti Abdullah Adin.

Antara yang hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang Azmi bin Haji Hafneh; Penolong Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Aliakbar dan para pegawai dari JIPK.

Majlis pengislaman juga diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati dari Unit Dakwah Daerah Temburong, disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati dari JIPK yang diserahkan oleh Awang Azmi.

Persembahan dikir memeriahkan lagi majlis tersebut bagi meraikan kehadiran seorang lagi saudara baru di negara ini.

Peraduan Dikir Syarafil Anam

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Januari. - Kumpulan Mujahidin dari Unit Sekolah Menengah Lelaki dan Kumpulan Mu'allimatun Najihah dari Unit Sekolah Rendah Kerajaan Perempuan, masing-masing menjuarai Peraduan Dikir Syarafil Anam Bagi Guru-Guru Agama di Bahagian IRK yang diadakan di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, Berakas, di sini.

Peraduan Dikir Syarafil Anam yang diselenggarakan oleh Bahagian IRK, Jabatan Pengajian Islam (JPI) tersebut adalah bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi dan bagi menyemarakkan lagi kelahiran Junjungan Besar kita.

Penolong Pengarah (Institut Pengajian) JPI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Surbiah binti Haji Tengah menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Terdahulu, Ceramah Maulud yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar menyatakan, satu nilai tambah kepada warga JPI untuk sama-sama mendalami sifat-sifat mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menjalankan tugas sebagai seorang guru yang menjadi pemimpin dan pendidik.

Persembahan dikir daripada johan peraduan bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan tersebut dan seterusnya persembahan dikir



PENOLONG Pengarah (Institut Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Surbiah binti Haji Tengah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Ashraqal daripada pasukan-pasukan lelaki yang menyertai peraduan berkenaan telah menyerikan lagi majlis.

Tujuan peraduan seumpama ini diadakan selain untuk menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul khusus bagi warga Bahagian IRK, ia juga untuk memperkembangkan dan meningkatkan kemahiran serta keyakinan dari guru-guru agama yang mengajar IRK di sekolah rendah, menengah, teknikal dan vokasional dan sekolah swasta dalam membawa Dikir Syarafil Anam dengan baik.

Di samping itu, ia juga untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan guru-guru di Bahagian IRK melalui aktiviti-

aktiviti kerohanian, selain guru-guru juga dapat mengembangkan kemahiran di sekolah masing-masing dan seterusnya dapat memberikan khidmat bakti kepada masyarakat melalui persembahan acara dikir apabila diperlukan.

Para peserta yang mengikuti peraduan tersebut masing-masing terdiri daripada dua pasukan lelaki dan perempuan bagi sekolah rendah, dua pasukan lelaki dan perempuan bagi sekolah menengah dan juga dua pasukan lelaki dan perempuan bagi sekolah swasta, manakala bagi sekolah teknikal vokasional masing-masing terdiri daripada satu pasukan sahaja bagi kategori lelaki dan perempuan.



SALAH sebuah pasukan lelaki yang menyertai Peraduan Dikir Syarafil Anam.

Ceramah Kesedaran Awam Biosekuriti



PARA peserta terdiri daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, pegawai-pegawai kanan kerajaan hadir pada Majlis Ceramah Kesedaran Awam Biosekuriti anjuran Bahagian Biosekuriti, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong.



CERAMAH Kesedaran Awam Biosekuriti adalah salah satu dari siri jelajah program Bahagian Biosekuriti untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan dan keperluan untuk mematuhi peraturan-peraturan mengenai aktiviti import dan eksport komoditi pertanian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Januari. - Bahagian Biosekuriti, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menganjurkan siri Ceramah Kesedaran Awam Biosekuriti pada 28 Januari, 2015 di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Ceramah tersebut adalah salah satu daripada siri jelajah program Bahagian Biosekuriti untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan dan keperluan untuk mematuhi peraturan-peraturan mengenai aktiviti import dan eksport komoditi pertanian yang dihadiri oleh usahawan industri pertanian dan perikanan serta wakil-wakil Jabatan Kerajaan di Daerah Temburong.

Antara tujuan ceramah adalah untuk meningkatkan kesedaran awam kepada orang ramai, terutama pengimport dan syarikat pengeksport komoditi pertanian dan perikanan dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan sektor swasta, dengan memberi penekanan kepada peranan Bahagian Biosekuriti dan perkhidmatan yang disediakan oleh seksyen berkenaan.

Taklimat itu juga menekankan

kepentingan persefahaman mengenai Sanitari dan Fitosanitasi (iaitu keselamatan makanan, haiwan dan tumbuhan kesihatan) melalui aktiviti import dan eksport komoditi pertanian.

Ceramah tersebut juga aktiviti ringkas berkaitan dengan import dan eksport komoditi perhutanan dibentangkan oleh Jabatan Perhutanan, CITES disenaraikan komoditi oleh Bahagian Hidupan Liar dan penambahbaikan kepada kualiti produk yang diimport dan keselamatan melalui pembungkusan yang betul yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Antara topik yang diberi semasa ceramah tersebut adalah seperti berikut, iaitu Fungsi Bahagian Biosekuriti, Prosedur Import, Eksport dan Pendaftaran komoditi Haiwan, Prosedur Import, Eksport dan Pendaftaran komoditi Loji, permohonan dalam talian untuk Import dan Sijil Fitosanitasi, Prosedur Import dan Eksport komoditi Perhutanan Komoditi, Pengenalan pada CITES tersenarai, Pemeriksaan Kuarantin (Dokumen), 'Sticker Tagging' dan 'Pembungkusan' di Post Sempadan, Meningkatkan kualiti dan keselamatan produk, Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan, tumbuhan Prihatin Kuarantin Perosak dan Makanan Laut Kebersihan diri Pemeriksaan.

Hasil ceramah itu akan mengukuhkan kesedaran orang ramai tentang memahami peranan dan fungsi yang Biosekuriti dan juga pemahaman mengenai pendekatan strategik dan bersepadu dalam menguruskan risiko biosekuriti yang akan menyumbang kepada perlindungan kesihatan manusia, ekonomi, alam sekitar serta melindungi industri pertanian dan perikanan tempatan daripada kesan negatif yang dikaitkan dengan serangan perosak dan penyakit. Dengan ini, ia akan dapat mengurangkan kemungkinan perosak dan penyakit ancaman untuk memasuki Brunei Darussalam melalui pengimportan komoditi pertanian dan perikanan.

Kesan buruk rasuah

GADONG, Rabu, 29 Januari. - Kesan-kesan buruk rasuah akan menjejaskan kecekapan dan integriti pentadbiran, di samping boleh menjejaskan sosial serta kestabilan politik dan keselamatan.

Ia juga memberi kesan kepada individu itu sendiri seperti kehilangan pekerjaan dan kejatuhan moral atau maruah.

Perkara itu antara isi kandungan Kuliah Khas Kursus Melayu Islam Beraja (MIB) bertajuk 'Taklimat Pendidikan Pencegahan Rasuah' yang disampaikan oleh Penyiasat Khas Kanan, Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Nor Ashiken binti Haji Mat Salleh di Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Menurutnya, rasuah ialah pemberian atau penerimaan secara tidak jujur sebarang suapan sebagai dorongan atau ganjaran untuk diri sendiri atau orang lain.

"Rasuah selalu diibaratkan sebagai penyakit yang boleh merebak kepada masyarakat yang berlaku tanpa mengira golongan atau kedudukan dalam semua lapisan masyarakat di mana-mana negara di dunia ini," jelasnya.

Daripada itu, kesan dan implikasi rasuah terhadap ekonomi, politik dan sosial serta budaya itu, ujarnya, boleh mengheret individu, masyarakat, bangsa atau negara kepada bencana keruntuhan tamadun disebabkan sifat tamak dan kerakusan kekuasaan manusia itu sendiri.

"Gejala rasuah ini, walau sebesar atau sekecil manapun ia dilihat tetapi kesan-kesannya adalah amat buruk dan akan menjejaskan negara secara keseluruhannya," tegasnya.

Katanya, melaporkan kegiatan rasuah kepada pihak yang berkenaan



'TAKLIMAT Pendidikan Pencegahan Rasuah' disampaikan oleh Penyiasat Khas Kanan, Biro Mencegah Rasuah (BMR), Dayang Nor Ashiken binti Haji Mat Salleh di Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

juga merupakan tanggungjawab semua pihak, pelapor atau pemberi maklumat akan dilindungi di bawah Seksyen 30(1) Akta Pencegahan Rasuah (Penggala 131).

Oleh itu, beliau menyarankan mereka agar tidak takut memberi maklumat yang benar dan bersama-sama menghapuskan rasuah demi agama, bangsa dan negara.

"Adalah menjadi kesalahan jika gagal melaporkan akan didakwa dan jika sabit kesalahan akan didenda BND500 dan penjara enam bulan," terangnya.

Seramai 158 mahasiswa dan mahasiswi Tahun 1 menghadiri kuliah itu yang dikendalikan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA.

Menerusi taklimat itu akan dapat memberikan kesedaran dan pengajaran kepada para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA dalam sama-sama mengambatkan gejala rasuah agar ia tidak berleluasa.

Ia juga diharap akan dapat membawa manfaat yang berguna agar sentiasa mengamalkan serta menghayati cara hidup kebruceian yang belandaskan kepada falsafah MIB.

Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Polis Ke-94

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

PANAGA, Khamis, 29 Januari. - Pegawai-pegawai dan ahli pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di Daerah Belait berserta keluarga mengadakan aktiviti amal, Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Polis Ke-94 di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Daerah Polis Belait Panaga.

Kempen Ahli Jawatankuasa Sambutan Hari Polis bersama Unit Tabung Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) merupakan aktiviti tahunan PDB.

Darah yang diterima daripada para penderma akan diserahkan terus kepada Unit Tabung Darah Hospital RIPAS dan ia diharapkan dapat membantu setiap pesakit yang memerlukan darah.

Hadir sama ialah Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Mohd. Hadini bin Haji Othman dan Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Supt. Ariffin bin Haji Jafaruddin juga turut menderma darah.

APO Lans Koperol Mohd. Kamaluddin bin Abdullah telah menderma darah bagi kali yang Ke-47, beliau berusia 48 tahun, bertugas di Unit Ru 'A' Kompeni Panaga dan telah berkhidmat dalam pasukan polis selama 23 tahun.

Kempen ini akan diadakan di keempat-empat buah daerah dan pada 5 Februari akan datang kempen yang sama seterusnya akan diadakan di Daerah Tutong.



SEORANG pegawai polis membuat pemeriksaan tekanan darah sebelum melakukan pendermaan darah (atas) dan (bawah) APO Lans Koperol Mohd. Kamaluddin bin Abdullah melakukan pendermaan darah kali Ke-47.



Bazar Belia, pameran kereta mendapat sambutan



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 1 Februari. - Kelab Automotif Pusat Belia yang disokong oleh Syarikat Pengedar Kereta, Goh Hock Kee telah menganjurkan Projek Bazar Belia dan Perhimpunan Kereta Ke-6 (6th Car Gathering) di Stadium Negara Haji Hassanali Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat melancarkan bazar tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Lebih 230 penyertaan terdiri daripada belia dan sebilangan kecil persendirian menyertai bazar yang diadakan selama sehari suntuk bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa meninjau kawasan letak kereta Stadium Negara Hassanali Bolkiah bagi menyaksikan Projek Bazar Belia dan Perhimpunan Kereta Ke-6 yang mempamerkan pelbagai jenis kereta baru, lama dan yang diubah suai khas bagi acara tersebut.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

Antara pameran yang diaturkan ialah pertunjukan pelbagai jenis kereta yang diubahsuai, manakala petak gerai jualan pula menempatkan beraneka jenis makanan dan minuman, di samping pelbagai pameran dan aktiviti sampingan.

Pewartanya PELITA BRUNEI sempat menemui bual salah seorang wakil ahli jawatankuasa (AJK) iaitu Dayang Rabiatul binti Osman yang antaranya menjelaskan mengenai pameran.

Menurutnya, penyertaan pelbagai jenis kereta tahun ini begitu memuaskan dan mendapat sambutan daripada kalangan belia.

Ahli-ahli AJK, tambahnya, akan menghakimkan segala kreativiti yang telah dibuat oleh peserta dan akan menilai secara bijak dan baik.

Dalam majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dan beramah mesra bersama peserta.

Penyampaian sijil Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

SERIA, Ahad, 1 Februari. - Setelah 11 tahun Kampung Lorong Tiga Selatan tidak mempunyai ketua kampung semenjak ketua kampung, Allahyarham Orang Kaya Indera Perkasa Haji Zulkeflee bin Abdullah kembali ke rahmatullah pada 4 Januari 2004, kini barulah jawatan tersebut diisi oleh Awang Haji Sadin bin Haji Ibrahim.

Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Sadin, 57, dilantik menjadi Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan bermula 19 Januari 2015 dan majlis penyampaian sijil lantikan beliau telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin diadakan di rumah Awang Haji Sadin di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan, di sini.

Tetamu kehormat, Dr. Awang Haji Abd. Manaf ketika menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut percaya ketua kampung yang baru dilantik itu mampu memikul amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pemimpin di peringkat akar umbi yang perlu ditanai dengan sebaik-baiknya.

"Saya juga yakin beliau setentunya sudah mempunyai semangat, kesanggupan dan tekad serta bersedia menghadapi apa pun cabaran-cabaran dalam memikul amanah selaku ketua kampung untuk memenuhi harapan anak-anak buah Kampung Lorong Tiga Selatan, Setia," ungkap Dr. Awang Haji Abd. Manaf.

Dr. Awang Haji Abd. Manaf mengungkapkan peranan, tugas dan tanggungjawab yang perlu ditanai dan dilaksanakan oleh penghulu mukim dan ketua kampung, menyeluruh dan penuh dengan cabaran yang merangkumi dan meliputi bukan sahaja hal ehwal kebajikan, kesejahteraan dan kemasyarakatan penduduk mukim dan kampung tetapi juga semua aspek dan hal ehwal kehidupan mukim dan kampung yang merangkumi pembangunan fizikal,

ekonomi, sosial, keselamatan, keagamaan, kebudayaan dan lain-lain.

Sehubungan itu, kata Dr. Awang Haji Abd. Manaf, penghulu mukim dan ketua kampung hendaklah bekerjasama dengan Majlis Perunding Mukim dan Kampung (MPMK) bagi sama-sama memikirkan bagaimana untuk memajukan dan menjaga kesejahteraan dan kebajikan anak-anak buah kampung mereka serta membuat rancangan-rancangan khusus dalam mencemerlangkan kampung mereka.

"Bercakap tentang kecemerlangan kampung, kampung itu dapat bergiat aktif dalam melaksanakan projek-projek dan rancangan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti penghasilan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan sebagainya ke arah menjana perkembangan sosioekonomi dan kemahiran tersendiri anak-anak buah mukim dan kampung," jelas Dr. Awang Haji Abd. Manaf.

Oleh yang demikian Dr. Awang Haji Abd. Manaf menyarankan ahli-ahli MPMK di seluruh negara supaya mempunyai perancangan strategik pembangunan mukim dan kampung masing-masing dengan memfokuskan kepada pembangunan ekonomi sama ada di peringkat mikro mahupun makro, yang bukan sahaja di tahap sara diri tetapi hendaklah juga berorientasikan pasaran termasuklah perancangan kemungkinan dengan penubuhan syarikat-syarikat kerjasama di bawah naungan MPMK.

Awang Haji Sadin, mantan Ketua Pembantu Teknik di Jabatan Perkhidmatan Elektrik Cawangan Lumut merupakan ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lorong Tiga serta Setiausaha MPMK Setia. Pengundian bagi jawatan ketua kampung telah diadakan pada tahun 2009 oleh penduduk kampung dan pada pengundian tersebut beliau telah menewaskan pencabarnya.

Awang Haji Sadin menyeru anak-anak buah kampungnya termasuk ahli-ahli MPMK Lorong Tiga Selatan agar sentiasa membantu dan memberi sokongan padu serta buah fikiran yang bernas bagi sama-sama memajukan dan menjayakan aktiviti-

aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan MPK untuk menjadi kampung mereka kampung yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Semenjak kampung tersebut belum mempunyai ketua kampung, jawatan tersebut telah dipangku oleh Penghulu Mukim Setia, Awang Haji Jamail bin Haji Linap. Kampung Lorong Tiga berkeluasan 168.730 kilometer persegi meliputi keseluruhan kawasan STKRJ Lorong Tiga dan juga kawasan kediaman berek-berek kerajaan yang jumlah keseluruhan penduduk 5,121 orang terdiri daripada bangsa Melayu, Dusun, Iban dan Cina.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin menyampaikan sijil lantikan Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Setia kepada Awang Haji Sadin bin Haji Ibrahim.

UNISSA - USIM kongsi ilmu, pendidikan dalam Islam

Berita dan Foto : Ihsan UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima rombongan pelawat dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diketuai oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Ustaz Yuseri bin Ahmad.

Semasa berada di negara ini, rombongan yang dianggotai oleh 12 mahasiswa dan 16 mahasiswi USIM itu telah membuat pembentangan tesis yang dikendalikan oleh Fakulti Usuluddin UNISSA yang turut dihadiri oleh Dekan Fakulti

Usuluddin, para pensyarah, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Rombongan USIM juga telah menghadiri kelas 'talaqqi' sesi pagi dan petang yang dikendalikan oleh Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Sayyad Abdul Hamid Al Mahdaly.

Selain itu rombongan USIM turut dibawa melawat ke beberapa buah institusi pengajian tinggi dan Pusat Da'wah Islamiah, mengadakan aktiviti kerohanian seperti membaca Surah Yaa Siin dan tahlil beramai-ramai selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah di surau

sementara UNISSA, di samping aktiviti riadah seperti permainan futsal di antara mahasiswa USIM dan mahasiswa UNISSA.

Mereka juga dibawa melawat ke Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, Pulau Lumut Lunting, Jong Batu dan bersiar sekitar Kampung Sungai Kebun, Taman Permainan Jerudong dan mengakhiri lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Lawatan antaranya bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara USIM dan UNISSA, selain berkongsi ilmu dan pendidikan dalam Islam.



MAHASISWA Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Universiti Sains Islam Malaysia bergambar kenangan semasa mengadakan Perlawanan Futsal Persahabatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika berkenan mengurniakan Anugerah Pedang Kehormatan (Sword of Honour) kepada 18433 Pegawai Kadet Amirul Adini bin Haji Amir Abas pada Upacara Sovereign's Parade bagi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-12 di Padang Kawad Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Sikap tabah pemangkin kecemerlangan

Dari muka 1

Masa depan itu adalah terus menagih kesetiaan dan komitmen Pegawai-Pegawai Kadet yang dikehendaki peka dengan pergolakan semasa dan sentiasa siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang tidak dijangka.

Atas asas inilah, Kebawah DYMM selalu menekankan, supaya usaha meningkatkan tahap ilmu dan kemahiran di kalangan Pegawai-Pegawai Tentera hendaklah sentiasa diutamakan.

Titah baginda lagi, ilmu pengetahuan adalah pemangkin bagi semua keperluan, termasuk usaha melahirkan Pegawai-Pegawai Tentera yang berkualiti dan profesional, yang celik teknologi dan berdaya saing.

"Bagi mereka ini, diperlukan benar-benar untuk menguasai prosedur-prosedur keselamatan, sebagai langkah untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan dari berlaku," titah baginda.

Selain itu, baginda bertitah menyarankan, usaha pemantapan dan kemahiran jurulatih juga perlu ditingkatkan terus melalui kaedah pengajaran yang terbaik.

"Pengenalan sistem 'Virtual Learning Environment' diharapkan boleh memberi pengalaman baru dalam proses pembelajaran," titah baginda.

Baginda juga menekankan pemilihan Jurulatih yang berkelayakan bagi seluruh institusi latihan ABDB sangat diperlukan melalui prosedur

pemilihan yang berkesan.

Dalam pada itu, baginda juga merakamkan penghargaan kepada para ibu bapa dan keluarga yang sentiasa mendoakan anak-anak mereka untuk mencapai yang terbaik semasa latihan.

Kejayaan tidak mungkin lengkap tanpa adanya sokongan kuat daripada ibu bapa dan kaum keluarga pegawai-pegawai yang berkenaan.

Baginda juga merakamkan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan ABDB, khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, Pegawai-Pegawai dan 'Colour Sergeant' serta jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik Pegawai-Pegawai Kadet sehingga sampai ke penghujungnya.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah merakamkan ucapan syabas kepada Pegawai-Pegawai Kadet di atas persembahan perbarisan yang sangat baik dan kemas dan baginda percaya, semua yang hadir juga turut berbangga dengan persembahan tersebut.

Baginda juga merakamkan tahniah dan rasa syukur kerana kesemua 22 orang Pegawai Kadet dari Pengambilan Ke-12 akan menamatkan latihan wajar diberikan penghargaan kerana keberanian mereka menahapi cabaran kerjaya tentera.

Selain itu, baginda bertitah, latihan ketenteraan selama 48 minggu tidak diragukan lagi adalah penuh dengan ranjau dan liku. Namun nilainya sebagai *life changing experience* adalah cukup positif untuk mencorakkan kepimpinan sejati.

Guru agama agen pemangkin realisasikan Negara Zikir



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff menerima resolusi seminar pada majlis tersebut.

Dari muka 1

Jelasnya, tarbiyah sedemikian itulah yang ditunjukkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan syiar Islam yang patut dijadikan ikutan oleh warga guru agama di negara ini.

Dengan itu, Dato Seri Setia percaya, guru-guru agama akan dapat mendidik generasi akan datang sebagai generasi yang unggul yang mampu menjadi generasi yang beriman, berilmu dan berakhlak mulia yang akan mengukuhkan lagi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir yang disegani dan dihormati pada setiap masa.

Majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiyyah KUPU SB, membentangkan resolusi seminar yang telah dibacakan oleh Ketua Bahagian 'Rapporteur' dan Kertas Kerja, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Omar.

Majlis diteruskan dengan penyerahan resolusi seminar kepada tetamu kehormat daripada

Pemangku Raes KUPU SB, Dr. Ustaz Haji Adanan bin Haji Basar.

Seminar yang berlangsung selama dua hari dan membawa tema 'Pendidikan Usuluddin Pemangkin Negara Zikir' itu membentangkan sebanyak 10 judul kertas kerja termasuk satu kertas kerja utama yang disampaikan oleh penceramah dalam dan luar negeri.

Antara objektif seminar adalah untuk membincangkan disiplin-disiplin ilmu dalam pendidikan Usuluddin yang boleh dijadikan pemangkin Negara Zikir, selain membendung kelemahan integriti, jati diri, kredibiliti dalam pendidikan Usuluddin menerusi pendidikan Usuluddin.

Seminar juga bertujuan merungkai beberapa asas prinsip ilmu dalam pendidikan Usuluddin yang boleh dijadikan asas perubahan daripada aspek keperibadian, kekeluargaan, kemasyarakatan dan kenegaraan serta memantapkan dinamisme dalam pendidikan Usuluddin.

Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Februari.- Kementerian Kewangan dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pindaan kepada Akta Syarikat (Penggagal 39) yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan maklumat berkaitan *beneficial ownership* dan pendedahan maklumat (*disclosure*) yang diperlukan ke atas sesebuah syarikat.

Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2015 dan mengandungi pindaan-pindaan yang akan meningkatkan lagi perlindungan hak kepentingan bagi pemegang-pemegang saham minoriti di dalam sesebuah syarikat.

Pindaan ini antara lain menghendaki bagi pengarah syarikat untuk memberikan maklumat tambahan berkaitan mana-mana peraturan (*arrangements*) yang akan membolehkan pengarah untuk memperoleh manfaat atau imbalan dalam sesebuah syarikat selain keperluan bagi syarikat untuk menyimpan daftar butiran-butiran pegangan saham di lain-lain syarikat serta keperluan bagi pengarah syarikat untuk memberikan notis secara bertulis kepada syarikat mengenai sebarang perubahan dalam butiran pengarah syarikat berkenaan.

Epal Granny Smith dan Gala bebas pencemaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Menyusul Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini mengenai dengan penarikan balik penjualan dan pembekuan import secara sementara bagi buah epal jenis Granny Smith dan Gala keluaran Amerika Syarikat.

KPSSU telah mengambil langkah dengan menjalankan analisis terhadap sampel buah epal berkenaan di makmal tempatan dan juga menghantar sebahagian contoh tersebut ke makmal di luar negara sebagai makmal rujukan.

Hasil pemeriksaan dan ujian makmal yang telah dilaksanakan ke atas buah epal jenis Granny Smith dan Gala yang diimport daripada Amerika Syarikat oleh pengimport dan pengedar yang dibenarkan di Negara Brunei Darussalam, menunjukkan bahawa produk-produk tersebut bebas daripada pencemaran bakteria *Listeria Monocytogenes*.

Sehubungan dengan ini, maka buah epal jenis ini yang diimport ke Negara Brunei Darussalam adalah selamat untuk dimakan dan dibenarkan untuk diedar dan dijual ke negara ini.

Seterusnya bagi memastikan keselamatan dan melindungi orang awam daripada pencemaran makanan, KPSSU akan secara berterusan membuat pemantauan dan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU melalui talian 2388000, faksimile: 2382226/2381639 atau melalui e-mel: info@agriculture.gov.bn / agriculture.agrifood@gmail.com.

JANGAN TERPENGARUH DAN TERIKUT-IKUT DENGAN PERKARA MEROSAKKAN AKIDAH

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.